

SAMUDERA



WADAH TRANSFORMASI MINDA THE NAVY PEOPLE

EDISI KHAS
HARI TLDM KE-84

TRANSFORMASI PUSMAS TLDM

Memacu Pemikiran Strategik

K3M 2.0

Kini Lebih Komprehensif

ADMIRAL ON DECK

Pendekatan Baharu Yang Efisien

TRANSFORMASI PEMACU KECEMERLANGAN



BIL. 1/2018 ISSN 0127 - 6700

**SETINGGI - TINGGI TAHNIAH & TERIMA KASIH
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI DAN
MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA, NEGARA BERTUAH INI**



DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS DAN IRINGAN DOA



(836389 - H)

Suite B1-17, Megan Ambassy, 225 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-21712525, 03-21712727 | Fax: 03-21661717 | Email : enquiry@budaxis.com



Menarik Di Dalam

Berlatarbelakangkan ensign TLDM, Majalah Samudera Edisi Khas 2018 mengetengahkan Program Transformasi TLDM 15to5 yang bakal mencorakkan masa hadapan yang lebih cemerlang.



FOKUS 08 TLDM MEMACU KE ARAH KECEMERLANGAN

KHAS

FULL AHEAD! -
TRANSFORMASI TLDM

11

KESIAPSAGAAN
TRANSFORMASI PUSMAS TLDM
MEMACU PEMIKIRAN STRATEGIK

14

PENULIS TAMU
15T015 MENJANA
PELBAGAI MANFAAT

18

HUBUNGAN ANTARABANGSA
16TH UNITED STATES NAVAL
WAR COLLEGE REGIONAL ALUMNI
SYMPOSIUM (RAS) 2018

24

TEKNOLOGI
K3M 2.0 KINI LEBIH KOMPREHENSIF

30

INFO IT
KECURIAN DATA, KESAN DAN
PENYELESAIAN

31

SEJARAH
MEMORI OUESSANT AGOSTA 70

34

PSSTLDM
GELOMBANG OCEAN'S 18

37

PERSONALITI
KETUA JANGAN BERSIFAT
STEREOTAIP

39

MEDIA
SAKSIKAN KEMUNCULAN
FILEM PASKAL

41



D DARI MEJA KETAU EDITOR



Bersempena dengan sambutan Hari TLDM ke-84, edisi khas Majalah SAMUDERA menyajikan pelbagai pencapaian serta inisiatif pembaharuan untuk tatapan para pembaca. Semua ini kami kongsikan agar pembaca dapat mengikuti perkembangan serta mendalami pelbagai pembaharuan yang sedang giat dijalankan terutamanya melalui Program Transformasi TLDM 15ke5.

Cabaran yang dihadapi masa kini jauh berbeza berbanding tempoh sebelumnya dalam banyak aspek. Sebagai komponen utama pertahanan negara, TLDM sentiasa berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran dalam menentukan ia mampu melaksanakan

amanah yang diberikan oleh negara serta rakyat dengan berkesan. Justeru TLDM perlu sentiasa bijak mencari kaedah yang kreatif dan praktikal dalam pendekatannya.

Hakikatnya, keamanan dan keselamatan yang kita nikmati selama ini tidak datang dengan begitu sahaja. Kapal-kapal dan aset TLDM terus-menerus mengawasi perbatasan perairan negara, 24 jam sehari di setiap waktu, di tengah lautan bagi memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan dengan aman. Sesungguhnya semua ini terhasil daripada pengorbanan serta kegigihan warga *the Navy People*, dulu dan kini, yang bersemangat, cekap dan komited di dalam setiap peranan mereka

yang tersendiri. Justeru bersempena sambutan Hari TLDM ke-84, amatlah wajar sumbangan dan pengorbanan mereka ini diketengahkan serta dihargai.

Semoga hidangan kami kali ini memberi manfaat kepada semua pembaca SAMUDERA serta menjadi wadah pembakar semangat kepada *the Navy People* untuk terus bekhidmat dengan cemerlang. Terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang bersama-sama menjayakan penerbitan edisi khas ini. Kami sentiasa mengalaukan pandangan serta cadangan para pembaca ke arah meningkatkan kualiti penerbitan ini.

Salam hormat dan Sedia Berkorban.

D SIDANG REDAKSI

Ketua Editor

Kept Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

Editor

Kdr Mohamed Noorjais bin Abdul Jalil TLDM

Penulis/Wartawan

Lt Kdr Zul Helmi bin Hj Baharom TLDM
Lt Kdr Nor Melissa binti Yayanto TLDM
PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor
BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan
BM TLR Suhairi bin Mohamed Ali

Pereka Grafik

Lt M Ahmad Fauzan bin Rathuan@
Radzuan PSSTLDM
BK KOM Shapilin bin Dolmat
Visual Print Sdn Bhd

Emel

majalahsamuderatldm@navy.mil.my

Alamat

Sidang Redaksi Majalah Samudera
PUSMAS TLDM
(RMN Sea Power Centre)
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 KUALA LUMPUR

Reka bentuk dan Percetakan

VISUAL PRINT SDN BHD
No. 47, 47-1,
Jalan Damai Raya 1,
Alam Damai, Cheras,
56000 KUALA LUMPUR

Majalah Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh PUSMAS TLDM dan diedarkan secara percuma. Sidang Redaksi Majalah Samudera mengalaukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Transformasi Minda *the Navy People*'.



Building Trust and Confidence

The credibility of SIRIM QAS International as a conformity assessment body enhances consumer confidence in our customers products and services.



MALAYSIA'S LEADING CERTIFICATION, INSPECTION AND TESTING BODY

Management System Certification Schemes And Related Schemes

- ISO 9001 - Quality Management System Certification
- IATF 16949 - Automotive Quality Management System Certification
- ISO 13485 - Quality Management System Certification for Medical Devices
- MS 1900 - Shariah-Based Quality Management System
- ISO 14001 - Environmental Management System Certification
- OHSAS 18001 - Occupational Health and Safety Management System Certification
- MS 1722 - Occupational Health and Safety Management System Certification
- ISO/IEC 27001 - Information Security Management System (ISMS) Certification
- ISO/IEC 20000-1 - IT Service Management System Certification
- MS 1480 - Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) Certification
- ISO 22000 - Food Safety Management System Certification
- ISO 55001 - Asset Management System Certification
- ISO 39001 - Road Traffic Safety Management System Certification

- ISO 22301 - Business Continuity Management System Certification
- MS 1514 - Good Manufacturing Practice (GMP) Certification
- Carbon Footprint Certification
- Forest Management Certification
- Chain-of-Custody Certification for forest and forest-based products
- ISO 37001 - Anti-Bribery Management System
- Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) Principles & Criteria Certification
- Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) Supply Chain Certification
- Malaysian Sustainable Palm Oil (MSP0) Certification
- National Mark of MALAYSIAN BRAND Certification
- 1-InnoCERT Programme
- ISO 50001 - Energy Management System Certification
- ISO 28000 - Supply Chain Security Management System Certification
- Environmental Audit
- Good Distribution Practice for Medical Devices Certification
- Conformity Assessments for Medical Device

Product Certification Schemes And Related Services

- Product Certification
- SIRIM Eco-Labeling
- Product Listing
- Batch Certification
- IECEE CB Scheme
- IECEEx Certified Service Facilities Scheme
- UN Marking for Packaging for Dangerous Goods
- Type Approval (E Marking) for Automotive Components
- Ready-Mixed Concrete Certification
- Photovoltaic Module Certification
- Welder Certification
- IECEEx Certification of Personnel Competence for Explosive Atmospheres
- Electromagnetic Compatibility (EMC) Certification
- Type Approval for Communications and Multimedia Products
- Registration of Manufacturer / Assembler / Repair Centre / Service Centre for Communications and Multimedia Products
- Issuance of Import Permit for Communications and Multimedia Products

- Issuance of Certification / SIRIM Label for Communications and Multimedia Products
- Issuance of Certificate of Approval for the Importation of Aluminum Iron and Steel Products and Materials (for non-construction use)
- Modular Coordination Certification
- Green Diesel Engine Verification
- NGV Workshop Certification
- Installer of Pressurized Hot Work Enclosure (PHWE) Certification
- NANO Verify Programme
- SIRIM Gold Hallmarking Certification Scheme

Inspection Services

- Engineering Inspection (3rd Party Inspection)
- Inspection Services for Foreign Certification Bodies

Engineering Inspection

- Independent Inspecting Authority for the following services:
 - Review and Witnessing Test of new, used or in services of stream boilers, unifred pressure vessel, pipelines, cranes, goods lift, passenger lift and other non-pressurized steel structures
 - Inspection and Witnessing Test of new, used or in services of stream boilers, unifred pressure vessel, pipelines, cranes, goods lift, passenger lift and other non-pressurized steel structures
 - Witnessing, Verification and Endorsement of Welding Procedure Specification (WPS) and Welder Qualification Test (WQT)
 - Identification and Verification of Materials and Welding Filler Materials
 - Inspection of Safe Housing System (Hot Work Welding Enclosure)
 - Risk-Based Assessment/ Inspection
 - Non-Destructive and Destructive Assessment, including Failure Analysis and Assess Integrity
 - Pre-Fabricated Metal Structure Inspection, COA



For more information, contact us at:

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (410334-X)

Marketing and Branding Section

Building 4, SIRIM Complex

No.1, Persiaran Dato' Menteri,

Section 2, P.O. Box 7035

40700, Shah Alam

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

ENABLING BUSINESSES. ENHANCING LIVES

Tel: 603 5544 6400

Fax: 603 5544 6810

E-Mail: cservice@qas.sirim.my

Website: www.sirim-qas.com.my

FOLLOW US ON SOCIAL MEDIA
SIRIM QAS INTERNATIONAL





► KHAS




Chief of Navy, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj. Ahmad Badaruddin hosting a breakfast talk during third day of DSA 2018 on 18th April. This event was attended by Navy officials and Defence industries.

It was an opportunity to catch up and talk shop while the Chief of Navy spoke on RMN's ongoing initiatives including the #15to5 transformation programme, the latest version of #K3M 2.0 as well as the upcoming 84th Navy Day celebration.

Credit to Acasia.net



ROYAL MALAYSIAN NAVY TRANSFORMATION




#15 TO 5

- ① PEOPLE
 - ② PLATFORM
 - ③ PROCESS
 - ④ IMPACT TO INDUSTRIES
 - ⑤ IMPACT TO PUBLIC
- DOING NOTHING IS NOT AN OPTION
BUSINESS CAN NO LONGER BE AS USUAL

#DEFENCE DIPLOMACY
NATIONAL PRESTIGE

ROYAL MALAYSIAN NAVY TRANSFORMATION

#15 TO 5



5

IT IS ABOUT SHARING WHAT THE NAVY IS DOING NOW

INLINE WITH GOVERNMENT TRANSFORMATION

TN50 WHAT WOULD BE EXPECTED INTUITIVELY

CREATIVE TRANSFORMATION PROGRAM

#15 TO 5

WHY TRANSFORM?
> ALLOW INTERACTION IN INDUSTRY
> DOING NOTHING IS NOT AN OPTION
> BUSINESS CAN NO LONGER BE AS USUAL.

6

ENGAGE ALL LEVELS


TO ENSURE PEOPLE UNDERSTAND WHAT'S IN IT FOR THEM.

IF I WANT TO USE FUNDS FROM MINDEF WE NEED TO DO BUSINESS PROPOSITION

(IF NOT, WE CAN LOSE 10 BILLION RINGGIT!)

LOOK AT WHAT DIVIDEND WE CAN GIVE

- OUR PLANS FOR #15 TO 5
- SUSTAINABLE PROGRAMME
- MORE INDUSTRY TO SUPPORT PROGRAMME
- SOCIAL DIVIDEND
- PROVIDE MORE JOBS (ECONOMIC DIVIDEND)



8

NOT TO DRIVE JUST BY BOTTOMLINE.
BUT ALSO TO ENSURE IT IS
SUSTAINABLE

MILITARY

IS NOT VERY GOOD
AT ACHIEVING MISSION
BUT NOT AT MARKETING.

OUR ACTION MUST BE SEEN & FELT



INITIATIVE "BERTANYA KHAMAR" TO INITIATE COMMUNICATION & RELATIONSHIP WITH THE FISHERMEN

GOOD FEEDBACK FROM THE FISHERMEN

BY SIMPLY CHANGING CONCEPT & OPERATION.

ADAPT SIMPLE & CREATIVE MOBILE K3M (SAFETY & SECURITY OF MARITIME COMMUNITY)

CAN: REQUEST FOR HELP REPORT SECURITY ISSUE

FEEL SAFE

GOV. & NAVY CARE ABOUT THEM

BRAUNI ALREADY HAVE THIS K3M APP.

INSURANCE IS VERY HAPPY ABOUT THIS ADAPTATION.

9

TRANSFORMASI TLDM MEMACU KE ARAH KECEMERLANGAN

Oleh: KDR MOHAMED NOORJAIS ABDUL JALIL TLDM

'Sedia Berkorban' adalah moto TLDM yang menjadikannya sebuah organisasi yang sentiasa komited dan berusaha ke arah kecemerlangan. Setelah 84 tahun di lapangan pertahanan maritim negara, TLDM telah melalui pelbagai pengalaman dan pencapaian demi meletakkannya sebagai sebuah organisasi yang kredibel dan disegani di persada nasional mahupun antarabangsa. Namun, pencapaian dan pengiktirafan yang diperoleh ini tidak melalui jalan yang mudah dan memerlukan pengorbanan dan usaha yang jitu demi meletakkan TLDM sebagai sebuah organisasi yang disegani di Malaysia kini.

Dewasa ini, TLDM dilihat sedia mengharungi transformasi ke arah keperluan dan kehendak negara demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan di tangga teratas dalam bidang ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi menjelang tahun 2050 selaras dengan pelan Transformasi Nasional 2050. Antara kejayaan yang telah dicapai oleh TLDM sehingga ke hari ini adalah kejayaan dalam menyediakan sebuah angkatan laut yang berkeupayaan dan berkesiahan tinggi, serta sentiasa bersedia untuk melaksanakan sebarang misi demi kedaulatan negara. TLDM juga telah berjaya memperkuuhkan jaringan hubungan yang baik dengan pelbagai organisasi bagi meningkatkan kerjasama pertahanan yang lebih erat dan mantap. Kerjasama sebegini diyakini akan meningkatkan lagi keupayaan pengoperasian melalui perkongsian maklumat. Demi memastikan aset-aset TLDM berada dalam keadaan bersedia pada sebilang masa maka peningkatan kemampuan bantuan logistik bagi menyokong kesiagaan dan pelaksanaan operasi turut dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Bersesuaian dengan dasar penjimatan oleh kerajaan, TLDM telah menggunakan sumber kewangan secara berhemah dan optimum untuk mendapatkan pulangan pelaburan yang terbaik.

Sesebuah organisasi dilihat berjaya apabila sumber manusianya diuruskan dengan baik. Oleh itu, TLDM telah menambah baik pengurusan sumber manusia untuk melahirkan warga yang bertaraf dunia dengan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti meningkatkan taraf akademik warganya dengan menyediakan peluang kepada warganya untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa. Di samping itu juga, TLDM turut menambah baik sistem latihan Pasukan Simpanan TLDM untuk melahirkan anggota simpanan yang berkeupayaan menyokong peranan anggota tetap sekiranya diperlukan. Bagi menentukan agar warga TLDM dapat bekerja dengan selesa, pihak pengurusan TLDM juga telah memastikan agar persekitaran tempat kerja dan kualiti hidup anggota dipertingkatkan demi memastikan motivasi warga berada pada tahap yang tinggi. Pemerkaan tadbir urus juga telah dilaksanakan agar lebih berintegriti, mantap, cekap dan telus bagi mencapai kecemerlangan organisasi.





Selain dari itu, TLDM juga telah mengemukakan beberapa inisiatif bagi memacu *the Navy People* ke arah masa depan yang lebih mencabar ini. Antara inisiatif TLDM adalah Pelan Transformasi TLDM 15to5 yang telah dipersetujui oleh kerajaan bertujuan melengkapkan Armada TLDM dengan kapal yang baharu serta lebih praktikal untuk diuruskan kelak. TLDM pada masa hadapan juga dijangka akan memperolehi sebanyak 36 kapal ronda generasi baharu dan kapal tugas khas pesisir pantai (LMS) yang akan digunakan untuk meningkatkan keupayaan mengawal perairan negara. Pada tahun 2017, TLDM telah berjaya menunjukkan penjimatan kos dan peningkatan kecekapan dengan mengurangkan kos pembaikan kapal kepada RM 20.2 juta. Pendekatan ini telah memberikan impak yang positif dalam mengurangkan kebergantungan kapal TLDM kepada sesuatu jenama atau OEM dan mewujudkan persaingan harga yang lebih kompetitif.

Demi menjaga dan mensejahterakan *the Navy People*, antara inisiatif dan program yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh TLDM melalui inisiatif Kementerian Pertahanan adalah seperti Program SASaR, Transformasi PERNAMA, Skim Bantuan Perubatan e-mass, Skim Bantuan Sara Hidup, Skim Bantuan Pendidikan, Program Recognition Prior Experiential Learning (RPEL), Skim Bantuan Bencana Alam, Bajet Perumahan Penjawat Awam dan Inisiatif Veteran. Inisiatif ini diharapkan dapat menjadikan warga *the Navy People* lebih komited dan melihat TLDM sebagai sebuah organisasi yang sentiasa menjaga dan menitikberatkan kebijakan serta tahap profesionalisme warganya. Inisiatif ini juga diharap akan mempersiapkan *the Navy People* agar sentiasa bersedia untuk berubah dan berfikiran terbuka dalam menghadapi sebarang kemungkinan dan ketidaktentuan semasa. Di samping itu juga, *the Navy People* perlulah membudayakan sikap ambil peduli ke atas segenap perkara yang boleh

mendatangkan kebaikan dan kepentingan TLDM. TLDM juga berusaha untuk membangun, mengurus dan meningkatkan kualiti modal insan melalui inisiatif-inisiatif yang telah disebutkan terdahulu. Adalah bukan menjadi satu pilihan bagi *the Navy People* untuk tidak berbuat sesuatu dalam mendepani cabaran yang bakal dihadapi kini dan di masa hadapan.

Melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang mengutamakan pembangunan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif, TLDM sehingga kini telah terlibat dengan 9 inisiatif yang telah diberikan kepada ATM di bawah Kementerian Pertahanan dan inisiatif tersebut adalah:

1. NBOS 2 - Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP)
2. NBOS 6 - Program 1Malaysia Family First (1MFF)
3. NBOS 7 - Program 1Malaysia Support For Housewives (1MS4HW)
4. NBOS 7 - Program 1Malaysia Veterans Access Point (1MVAP)
5. NBOS 8 - Program Remaja Berwawasan (PRBW)
6. NBOS 8 - Military Community Transformation Centre (MCTC)
7. NBOS 8 - Program AMANITA
8. NBOS 8 - Rondaan Awam, PDRM dan ATM 1Malaysia (RAPAT 1M)
9. NBOS 10 - *My Beautiful Malaysia* (MyBM)

Lebih banyak lagi inisiatif yang bakal diwujudkan dari semasa ke semasa selagi mana TLDM ingin terus meningkatkan tahap keupayaan dan intelek warganya. Program Transformasi Nasional yang telah diperkenalkan oleh kerajaan telah mampu mewujudkan daya usaha yang tidak putus oleh warga TLDM keseluruhannya demi memastikan TLDM terus relevan dan kredibel.

TLDM terus cemerlang mempelopori organisasi sektor awam yang lain dalam meneruskan inisiatif merubah cara bekerja ke arah yang lebih baik melalui pelbagai usaha kreatif dan mapan seperti kolaborasi bijak yang dijalin bersama beberapa organisasi berkepentingan. Usaha ini telah terbukti memberi impak yang amat positif terhadap organisasi-organisasi terkait. Ikti temu bual berkaitan sempena Hari TLDM Ke-84.

TLDM menyambut hari ulang tahun yang ke-84 pada tahun ini. Bagaimana-kah Dato' melihat pencapaian TLDM pada hari ini?

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Panglima Tentera Laut dan seluruh warga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) atas sambutan Hari TLDM Ke-84 pada 27 April 2018. Sebagai Ketua Pengarah MIMA, saya sungguh bangga dengan pencapaian TLDM sejak penubuhannya. TLDM memberikan keyakinan yang amat tinggi kepada rakyat berdasarkan kepada keupayaannya untuk mempertahankan keselamatan perairan Zon Eksklusif Ekonomi (EEZ) negara yang diberkati dengan pelbagai sumber kelautan serta menperkuatkhan kedaulatan dan integriti negara.

Apa harapan Dato' terhadap TLDM sempena sambutan ulang tahun ke-84 tahun ini?

Sebagai salah seorang mantan pucuk pimpinan TLDM, saya berharap sambutan ulang tahun ke-84 ini akan menguatkan usaha untuk terus maju supaya menjadi Blue Water Navy yang disegani di rantau ini. Walaupun hasrat ini menghadapi berbagai cabaran, saya yakin pucuk kepimpinan TLDM mempunyai kegigihan bagi mentransformasikan tentera laut. Dalam usaha ini, saya yakin TLDM akan lebih berfokus kepada

MIMA, TLDM PERKUKUH KERJASAMA DALAM PENYELIDIKAN MARITIM

Laksamana Pertama (B) Dato' Chin Yoon Chin



kemahiran dan profesionalisme di semua lapisan warganya kerana sumber manusia merupakan aset terpenting dalam sebuah organisasi.

Apakah pandangan Dato' ke atas program Transformasi TLDM 15to5?

Pada zaman yang penuh dengan cabaran sekarang, ancaman terhadap keselamatan perairan negara boleh muncul tanpa sebarang amaran. Pengurusan logistik asset TLDM untuk pengoperasian asset TLDM adalah suatu cabaran yang besar. Oleh yang demikian, saya berpendapat pelancaran program transformasi TLDM 15to5 adalah tepat sekali. Dengan wujudnya program ini, asset TLDM kini lebih berfokus dan bersedia bagi menghadapi sebarang ancaman dengan lebih teratur. Ia juga akan mengurangkan permasalahan logistik.

Bagaimanakah tahap keyakinan industri perkapalan terhadap TLDM dalam keselamatan pada hari ini?

Sebagai sebuah negara maritim, keselamatan perairan sekitarnya adalah penting sekali kerana 22% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) adalah berdasarkan industri maritim manakala 98% perdagangan negara bergantung kepada pengangkutan lautan. Melalui usaha force generation TLDM, TLDM memberi keyakinan kepada stakeholders di industri maritim terhadap usahanya untuk menjaga

keselamatan perairan negara. Selain daripada itu, TLDM perlu melibatkan warganya dalam forum serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh industri perkapalan. Ini akan membolehkan warga TLDM mengikuti perkembangan semasa industri perkapalan di dalam dan luar negara serta menambah pengetahuan mereka dalam industri yang amat kritis ini.

Apakah bentuk kerjasama yang telah dan boleh dilaksanakan antara MIMA dan TLDM?

Kerjasama di antara MIMA dengan TLDM memang wujud di mana pegawai-pegawai TLDM sentiasa dijemput untuk menghadiri seminar atau persidangan yang dianjurkan selama ini. MIMA juga pernah mengambil warga TLDM yang mempunyai kapakanan yang sesuai sebagai penyelidik secara secondment di MIMA dan kami mengalui-alukan kerjasama seperti ini. Baru-baru ini, MIMA dilantik sebagai sebuah *Centre of Excellence* (CoE) dalam hal ehwal maritim oleh Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Dengan pengiktirafan ini, saya yakin kerjasama antara MIMA dan TLDM dalam bidang penyelidikan dapat diperkuahkan lagi. Sebagai contohnya, *Sea Power Centre* yang baru ditubuhkan oleh TLDM merupakan satu bidang yang berpotensi untuk kerjasama antara kedua-dua pihak.



Kerjasama SPRM-TLDM Jalin Rangkaian Kerja Efektif

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki

TLDM menyambut hari ulang tahunnya yang ke-84 pada tahun ini. Bagaimana Datuk Seri melihat pencapaian TLDM sehingga kini?

Pertama kali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada TLDM kerana telah mencipta sejarah berkhidmat bagi tanah air ibu peritiwi ini selama 84 tahun. Banyak perkembangan dan pembaharuan baru yang telah dibuat oleh pihak TLDM khususnya di bawah kepimpinan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin menerusi pelbagai program-program transformasi yang diper-

kenalkan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan bagi kesejahteraan negara. TLDM juga telah memperkenalkan program transformasi '15to5' Armada TLDM bagi memastikan jurang keupayaan usia dan keusangan armadanya tidak ketinggalan demi mempertahankan kedaulatan negara. Pendekatan ini semestinya sesuatu yang perlu dihargai dan dengan usaha -usaha sedemikian nescaya tindakan-tindakan TLDM akan lebih efektif dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan selama 84 tahun ini.

Apakah harapan Datuk Seri terhadap TLDM sempena sambutan ulang tahun ke-84 ini?

Sebagai satu agensi yang memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan negara saya berharap TLDM akan terus melaksanakan tugasnya demi menjaga keselamatan masyarakat serta melahirkan satu pasukan tenaga kerja yang berintegriti dan telus. Selain itu, saya juga berharap TLDM akan berusaha ke arah menjadikan agensi tersebut sebagai satu angkatan tentera laut dan darat yang moden dan setara dengan negara-negara maju serta mencapai standard antarabangsa. Paling tidak pun, kita tidak boleh kalah dengan negara-negara jiran. Oleh yang demikian, TLDM perlu meneruskan Program Transformasi '15to5' Armada TLDM bagi memastikan impian ini tercapai bagi menunjukkan kepada dunia kebolehan dan keupayaan TLDM.

Apakah pandangan Datuk Seri ke atas program Transformasi TLDM '15to5'?

Program Transformasi merupakan satu program yang sangat bagus kerana ia akan memperlihatkan usaha TLDM dalam

penyusunan semula armada yang kini terdiri daripada 15 kelas kapal kepada hanya lima kelas kapal agar lebih efektif untuk diselenggara. Saya percaya dengan memperkenalkan program tersebut juga akan dapat mempermudahkan serta meningkatkan lagi integriti TLDM. Selain itu, ia juga dapat menambahbaik dan memperkasakan lagi kecekapan TLDM dari sudut pertahanan negara kita secara khususnya. Ia juga dapat memantapkan pengurusan perolehan serta meningkatkan aspek integriti dalam TLDM selain memastikan wujudnya ketelusan dan kejujuran dalam setiap proses perang dan pembaharuan yang ingin dilakukan oleh TLDM.

Apakah pandangan Datuk Seri terhadap langkah-langkah yang diambil TLDM untuk menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah?

TLDM telah menunjukkan kesungguhan dalam menjadikan agensi itu sebagai satu pasukan yang penuh berintegriti dan sentiasa bersedia membawa perubahan bagi memastikan

agensi itu bersih daripada sebarang perbuatan yang boleh membawa pencemaran kepada nama naik TLDM. Langkah-langkah kepada penambahbaikan sistem perolehan serta pengemasikan fail-fail dan semua rekod juga telah dilaksanakan untuk menutup ruang dan peluang daripada berlakunya kejadian yang yang tidak diingini seperti rasuah dan salah guna kuasa. Ini dapat kita lihat dengan kurangnya aduan-aduan mahupun maklumat-maklumat yang disalurkan kepada SPRM berhubung isu-isu rasuah dan salah guna kuasa melibatkan TLDM. Lima tahun lalu sememangnya terdapat kes-kes yang melibatkan TLDM tetapi ia telah berkurangan secara drastik berbanding lima tahun yang lalu dan saya percaya ini adalah langkah-langkah pembaharuan yang sering dilaksanakan oleh TLDM.

Adakah kerjasama antara SPRM dan TLDM memberi impak yang diharapkan serta apa lagi bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan?

Kerjasama SPRM dan TLDM telah lama terjalin dan ia telah mewujudkan satu rangkaian kerja yang amat bagus dan efektif. TLDM menunjukkan keterbukaannya dalam menyalurkan maklumat-maklumat berhubung isu rasuah dan salah guna kuasa yang difikirkan perlu mendapat perhatian SPRM. TLDM turut akan membantu SPRM dalam mendapatkan maklumat-maklumat sekiranya perlu supaya siasatan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan membawa mereka yang bersalah ke muka pengadilan. TLDM juga telah sebelum ini meminta pandangan dan nasihat SPRM untuk melihat kembali kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam sistem dan prosedur TLDM. Saya berharap kerjasama ini akan terus berkekalan serta meningkatkan lagi integriti dan servis TLDM kepada masyarakat dan negara alam askpek mempertahankan kedaulatan negara Malaysia.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) seperti yang kita ketahui merupakan lembayung utama kedaulatan laut negara. Sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh kawasan perairan yang luas, peranan TLDM seharusnya perlu dipandang serius oleh semua pihak tanpa mengira latar belakang.

Transformasi TLDM adalah sejarah dengan tiga aspek yang pernah ditekankan oleh Panglima TLDM, Tan Sri Ahmad Kamarulzaman iaitu – 'hardware', 'software', dan 'humanware'. Ketigga konsep ini dilihat sebagai batu asas kepada transformasi TLDM. Perubahan yang dirancang untuk TLDM bukan sahaja melibatkan aset (hardware) semata-mata tetapi menyentuh aspek-aspek lain seperti profesionalisme, dasar, doktrin dan prestasi (software); serta modal insan (humanware).

Setelah bertahun melibatkan diri dalam dunia media pertahanan, bagi penulis, perkembangan yang dialami TLDM semenjak 2-3 tahun kebelakangan amat positif. Ini dapat dilihat secara menyeluruh dan secara tidak langsung dapat memperkuatkan imej TLDM sebagai satu angkatan laut yang kredibel dan profesional.

Hardware: Pembaharuan Aset

Perolehan dan pembaharuan aset merupakan satu kelaziman dalam dunia ketenteraan. Perkara ini bukanlah eksklusif kepada TLDM semata-mata tetapi langkah ini dilakukan oleh mana-mana pasukan tentera laut di peringkat global. Pembaharuan yang dibuat melalui program 15-to-5 adalah bertepatan dengan masanya.

Selain mengurangkan 15 buah kelas kapal kepada 5 buah kelas tanpa mengurangkan bilangan ketumbuhan aset, program ini telah memberikan impak tersendiri dari pelbagai aspek seperti pengurusan kewangan, pengurusan dan selenggaraan aset dipermudahkan melalui penyagaman (streamlining) ketumbuhan serta

mempertingkatkan nilai sumber manusia.

Software: Perubahan dasar, polisi dan doktrin

Program penyusunan semula aset secara tidak langsung memperkuatkan lagi aspek lain seperti dasar, doktrin dan prestasi. Selain mempermudahkan aset, TLDM pada ketika ini sedang memperkuatkan imej profesionalismenya di negara ini dan juga dunia.

Menjalankan kerjasama dengan agensi lain di laut, bersesuaian dengan konsep HANRUH, inisiatif RAKAM yang diwujudkan turut memperkuatkan keyakinan rakyat terhadap TLDM dalam menjaga perairan negara.

Profesionalisme TLDM di peringkat global turut di tahap yang terbaik terutamanya dengan penglibatan TLDM dalam usaha Teras Diplomasi Pertahanan. Latihan bersama, Malacca Straits Patrol dan Trilateral Patrol serta program bilateral dan multilateral merupakan antara platform di mana TLDM dihormati oleh rakan-rakan mereka di peringkat serantau dan global.

Selain daripada itu, tadbir urus TLDM turut dipertingkatkan dengan pengenalan inisiatif-inisiatif memerangi rasuah yang boleh merosakkan imej TLDM. TLDM, seperti pasukan perkhidmatan lain sudah tentu tidak berkompromi dalam isu sebegini.

Selain daripada itu, penubuhan dua markas armada wilayah adalah antara aspek penambahbaikan perkhidmatan TLDM di dua wilayah utama negara, bersesuaian dengan Dasar Pertahanan Negara.

Humanware: Modal insan

Modal insan adalah tidak ternilai harganya. Pengenalan pelbagai inisiatif untuk menjaga kebajikan warga TLDM seharusnya dipuji

Full Ahead! - Transformasi TLDM

- Mohd Daim, Editor Air Times



kerana aspek sebegini merupakan pendorong semangat warga TLDM untuk melaksanakan tugas mereka.

Langkah untuk menghimpunkan warga TLDM yang masih berkhidmat dan veteran di bawah satu nama, *the Navy People*, adalah satu langkah terbaik untuk mengekalkan tradisi profesionalisme TLDM dan juga lembayung semangat kekitaan untuk semua warga TLDM.

Sebenarnya, terlalu banyak perkara positif yang ingin penulis sampaikan di sini. Secara keseluruhannya, TLDM pada ketika ini sedang menuju ke hadapan, ke tahap yang lebih positif. Diharapkan, TLDM terus maju jaya dan sentiasa dirahmati Ilahi ketika melaksanakan tugas demi negara.


Pameran Defence Services Asia(DSA) 2018 telah dilaksanakan mulai 16 hingga 19 April 2018 di MITEC, Kuala Lumpur. Pameran dwi-tahunan ini merupakan salah sebuah pameran pertahanan terulung di rantau ini yang telah dijenamakan semula melalui penggabungan elemen *National Security* (NATSEC) sebagai elemen bersama selain pemerkasaan kehadiran Segmen Maritim dan Aeroangkasa di dalam struktur pameran.






Segmen Maritim DSA 2018 telah dimeriahkan dengan kehadiran 4 orang Panglima Tentera Laut dan 20 orang wakil Panglima Tentera Laut dari 23 buah negara. Di samping itu, penyertaan TLDM di dalam pameran ini telah diserikan menerusi pelaksanaan pelbagai aktiviti sampingan yang lebih menjurus kepada elemen maritim, selain mewujudkan RMN Pavilion yang bercirikan imej korporat dan memperkenalkan pelbagai maklumat berkenaan inisiatif-inisiatif yang telah serta bakal dilaksanakan menerusi Program Transformasi TLDM 15to5.

Antara aktiviti utama Segmen Maritim yang telah dilaksanakan sewaktu DSA 2018 adalah demonstrasi Aplikasi K3M 2.0 dan SEALERT kepada Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, Majlis Menandatangani Nota Kolaborasi di antara TLDM dan MIMOS, pertemuan dan perbincangan dua hala bersama delegasi tentera laut dan industri pertahanan, perkongsian maklumat berkenaan #15to5 menerusi program *Chief of Navy Breakfast Engagement* dan pertunjukan mengagumkan oleh Tim Gabungan Kawad Senyap dan Pancaragam TLDM.



DSA18 - PAMERAN PERKHIDMATAN PERTAHANAN ASIA 2018






TRANSFORMASI PUSMAS TLDM: MEMACU PEMIKIRAN STRATEGIK

Sebagai organisasi yang berperanan memelihara kedaulatan perairan negara, TLDM sentiasa fokus di dalam menentukannya melalui operasi serta pengawasan yang berterusan pada setiap waktu. Pada masa yang sama, pendekatan secara berlembut atau *soft approach* melalui komponen diplomasi ketenteraan, inisiatif mendekati komuniti maritim tempatan serta penglibatan di dalam forum di peringkat tempatan dan antarabangsa juga sentiasa ditekankan. Hakikatnya pendekatan secara lembut ini sama pentingnya dalam usaha memenangi hati dan minda masyarakat serta pihak-pihak berkepentingan.

Sejarah tekad untuk menjadi sebuah angkatan laut yang kredibel dan versatil, TLDM meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap elemen kajian dan penyelidikan terutama di peringkat strategik dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan maritim. Ia penting bagi menentukan TLDM sentiasa terkedepan dengan mencorak halatuju di dalam hal yang bersangkutan dengan keselamatan dan pertahanan maritim negara. Justeru bagi mencapai matlamat ini, sudah tiba masanya TLDM mengadakan sebuah unit khusus untuknya.

Sejajar dengan hasrat itu, TLDM mengambil pendekatan untuk mentransformasikan Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM yang telah ditubuhkan sejak 2009. Fungsi awal PUSMAS TLDM adalah bagi mengumpul dan membuat penyelidikan ke atas sejarah tentera laut negara ini. Selain dari itu, PUSMAS TLDM juga berfungsi sebagai *one stop centre* di antara TLDM dan Arkib Negara Malaysia di dalam bidang pengarkiran dokumen serta rekod.

Mengambil model *Sea Power Centre Australia* milik Tentera Laut Diraja Australia, peranan PUSMAS TLDM kini diperkembangkan lagi menjadi Pusat Strategi Maritim dan Sejarah TLDM, mengekalkan nama singkatan PUSMAS TLDM. Di peringkat antarabangsa pula, ia akan dikenali sebagai Royal Malaysian Navy Sea Power Center atau singkatan RMN SPC. Melalui transformasi ini, empat komponen penting penyelidikan maritim iaitu strategi, sejarah, doktrin dan publikasi digabungkan yang sekaligus meningkatkan keberkesanannya serta mengoptimumkan sumber.



14 | SAMUDERA

Organisasi baru PUSMAS TLDM merangkumi lima jabatan utama iaitu Jabatan Penyelidikan Maritim, Jabatan Sejarah Maritim, Jabatan Doktrin Maritim, Jabatan Publikasi Maritim dan Jabatan Tadbir Bantuan. Struktur organisasi dan pemerintahan PUSMAS TLDM diletakkan di bawah pentadbiran Markas Tentera Laut dan Ketua Pengarahnya bertanggungjawab terus kepada Timbalan Panglima Tentera Laut. PUSMAS TLDM beroperasi di Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur, mengambil alih bangunan yang dahulunya adalah bekas pejabat Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM.

MARKAS PEMERINTAHAN ARMADA TIMUR DAN SKUADRON KAPAL RONDA KE-17: PERANAN DAN CABARAN

Sistem pemerintahan dua wilayah armada yang diperkenalkan sejak setahun yang lalu dilihat sebagai satu langkah kritikal dalam memastikan kedaulatan perairan negara sentiasa terpelihara. Sejajar dengan Pelan Transformasi TLDM 15-to-5 yang dilaksanakan ketika ini, Markas Pemerintahan Armada (MPA) Timur bertanggungjawab dalam pelaksanaan operasi di perairan Sabah dan Sarawak. Kehadiran Skuadron Kapal Ronda Ke-17 secara berperingkat juga menjadi intipati dalam merancakkan lagi pelaksanaan operasi di bawah payung MPA Timur. Kedua-dua entiti ini saling memerlukan agar tugas dan tanggungjawab pengoperasian tidak terjejas serta semua cabaran yang dihadapi dapat ditangani bersama. Ikuti wawancara bersama Timbalan Panglima Armada (TPA) Timur dan Pegawai Memerintah (PM) KD SELANGOR dalam mengupas peranan dan cabaran mereka.

Setelah hampir setahun ditubuhkan, apakah peranan, tugas dan perancangan strategik markas dalam memelihara kedaulatan perairan negara?

TPA Timur: Setelah setahun beroperasi, MPA Timur telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan yang paling utama ialah menjalinkan hubungan erat bersama kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Hasil daripada beberapa kunjungan hormat yang dilakukan, jelas dilihat kedua-dua kerajaan negeri amat mengalui-alukan penubuhan MPA Timur dalam memelihara kedaulatan perairan negara dan meningkatkan keselamatan maritim. Markas juga turut melaksanakan beberapa kajian untuk memperkasa dan meningkatkan pelaksanaan operasi-operasi di MPA Timur dengan mengambil kira faktor geo-politik dan geo-strategik semasa di rantau ini. Di antara usaha MPA Timur ialah mengemaskini konsep operasi Stesen Luar Pantai TLDM bagi meningkatkan keupayaan kesemua stesen untuk melaksanakan pengawasan dan pemantauan berterusan tanpa banyak bergantung pada kapal rondaan seperti dilaksanakan pada ketika ini. Markas turut mengkaji KD SRI TAWAU untuk dijadikan sebagai pangkalan hadapan bagi menyokong keperluan bantuan logistik untuk kapal yang beroperasi di perairan timur Sabah. Pada masa yang sama juga, MPA Timur akan mengangkat cadangan dalam menambah baik operasi sedia ada di keseluruhan perairan ZEE Sabah. Bagi meningkatkan kepercayaan komuniti maritim di Sarawak, MPA Timur dalam perancangan untuk mewujudkan Markas Wilayah Laut (MAWILLA) 4 di Bintulu, Sarawak. Markas telah mencadangkan pelaksanaan operasi yang baharu terutamanya dalam meningkatkan kehadiran kapal-kapal di perairan ZEE Sarawak. Ini kerana, pada

masa ini, pelaksanaan operasi di perairan ZEE Sarawak banyak tertumpu di Gugusan Beting Raja Jarom dan Gugusan Beting Patinggi Ali sahaja. Pelaksanaan Trilateral Maritime Patrol (TMP) yang dilancarkan pada 19 Jun 17 lalu dan melibatkan tentera laut tiga negara iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Sehingga kini kapal-kapal TLDM dan Tentera Laut Filipina (TLF) telah berjaya membuat beberapa pertemuan di laut di samping melaksanakan latihan, perkongsian maklumat dan rondaan bersama. Melalui TMP juga, kapal TLDM bersama kapal Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Laut (TNI-AL) telah berjaya membuat lawatan operasi ke pangkalan TLF di Tawi-Tawi.

Dengan wujudnya pemerintahan dua wilayah armada dalam TLDM, pastinya wujud ‘pandangan’ dan ‘suara’ yang membandingkan antara kedua-dua armada terutamanya dari aspek pengoperasian dan pencapaian. Bagaimana Panglima melihat ‘budaya’ sebegini, adakah wujud persaingan untuk menaikkan nama armada masing-masing dan sejauh manakah ‘budaya’ ini memberi kesan kepada warga TLDM di Armada Timur?

TPA Timur: Tidak dinafikan memang wujud ‘pandangan’ dan ‘suara’ yang membandingkan terutamanya dari aspek pengoperasian dan pencapaian MPA Timur dan MPA Barat. Saya berpandangan ianya merupakan satu persaingan yang baik, di mana kedua-dua warga Armada akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan nama markas pemerintahan masing-masing. Seperti yang kita ketahui, daya saing yang tinggi dalam satu-satu organisasi bakal memberikan kelebihan kepada organisasi tersebut. Dalam erti kata yang lain, TLDM akan mendapat kesan yang baik melalui persaingan ini. Namun, ianya perlulah satu persaingan yang sihat dan positif. Sebagai salah seorang pihak pengurusan tertinggi MPA Timur, saya akan menentukan persaingan ini tidak akan menjelaskan hubungan di antara kedua-dua markas pemerintahan. Adalah penting bagi setiap warga MPA Timur untuk menyedari bahawa di antara kedua-dua Armada hakikatnya tiada perbezaan. Kedua-duanya dipertanggungjawabkan untuk mendukung misi TLDM iaitu melindungi kedaulatan dan kepentingan maritim negara. Justeru, saya akan sentiasa menyokong persaingan yang membawa kepada kebaikan kepada TLDM dan menolak sama sekali sebarang persaingan yang membawa kepada keburukan.

Perpindahan penempatan KD SELANGOR ke MPA Timur menunjukkan komitmen TLDM dalam merealisasikan pemerintahan dua wilayahnya. Bagaimana tuan melihat keadaan ini dari perspektif Pegawai Memerintah?

PM KD SELANGOR: Perpindahan KD SELANGOR ke MPA Timur adalah salah satu langkah pihak pengurusan tertinggi TLDM dalam merealisasikan Transformasi 15-to-5. Langkah ini juga jelas menunjukkan TLDM serius dalam melaksanakan Transformasi 15-to-5 serta sebagai langkah proaktif dalam memperkasakan keselamatan perairan Sabah dan Sarawak.

Perpindahan ini bukan sahaja membuka lembaran baharu buat warga kapal dari segi perubahan suasana kerja dan budaya malah ia turut memberi kesan kepada ahli keluarga mereka. Apakah perancangan dan usaha tuan dalam mengendalikan cabaran ini?

PM KD SELANGOR: Pihak pengurusan kapal telah melaksanakan sesi ceramah dan kaji selidik bersama Pegawai Staf Kaunseling Markas Tentera Laut (Mk TL) dalam usaha meningkatkan moral warga KD SELANGOR. Sebagai PM juga, saya memberi nasihat dan kata-kata semangat kepada warga kapal sepanjang masa. Kami juga telah merancang cuti secara berperingkat kepada warga kapal sementara menunggu proses perpindahan keluarga ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan proses mendapatkan Rumah Keluarga TLDM.

Perpindahan Skuadron Kapal Ronda Ke-17 ke Armada Timur dilihat dapat menyeimbangkan keupayaan kedua buah Armada TLDM. Pada pandangan Panglima, adakah kehadiran Skuadron ini mampu menampung keperluan operasi di Armada Timur dan sekaligus memantapkan pertahanan dan kesiapsiagaan Armada Timur?

TPA Timur: Skuadron Kapal Ronda Ke-17 ini akan ditempatkan di MPA Timur secara berperingkat. Perpindahan atau penempatan ini adalah sebagai menepati perancangan Transformasi 15-to-5 TLDM. Semestinya dengan perpindahan kesemua Skuadron ini akan meningkatkan keupayaan MPA Timur dalam memenuhi fungsi, tugas dan peranannya. Perpindahan ini juga memberi kelebihan kepada MPA Timur dalam meningkatkan keberkesaan pelaksanaan operasi dan semestinya akan meningkatkan keyakinan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap keselamatan maritim di wilayah ini.

Penugasan di MPA Timur juga bermakna KD SELANGOR perlu berdepan dengan cabaran baharu dalam pengoperasian sementahan kawasan operasi di Armada Timur sangat luas dan mencabar. Apakah perancangan tuan dalam menghadapi perkara ini bersama krew kapal?

PM KD SELANGOR: KD SELANGOR kerap ditugaskan di perairan Sabah sejak 2013 apabila insiden di Lahad Datu terjadi. Pada pandangan saya, penugasan secara kerap di perairan ini menunjukkan krew KD SELANGOR

KESIAPSIAGAAN



KD KELANTAN



KD SELANGOR

telah serasi dan mahir dalam melaksanakan operasi di perairan Sabah ini. Menurut statistik pada 2017, jelas menunjukkan KD SELANGOR terlibat dengan pelbagai operasi, eksesais dan latihan di perairan Sabah sama ada secara bilateral maupun trilateral. Ini membuktikan KD SELANGOR adalah sebuah kapal yang berpotensi tinggi dan mempunyai warga yang kompeten dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Pada tahun 2017, KD SELANGOR juga berjaya mengekalkan tahap kesiagaan tertinggi dan mampu beroperasi di laut lebih dari had yang ditetapkan.

Setiap kapal mempunyai rutin senggaraan berjadual agar pengoperasian sentiasa berada di tahap terbaik. Bagaimakah depot-depot di Markas dapat memenuhi keperluan ini tanpa bergantung kepada Depot Bekalan Armada Barat? Adakah pihak Markas berdepan dengan sebarang masalah dan apakah inisiatif pihak Markas?

TPA Timur: Pengwujudan MPA Timur dan penambahan aset di MPA Timur ini secara langsung memberi cabaran besar dalam tugas dan tanggungjawab Markas Logistik Timur untuk mengekalkan tahap pengoperasian kapal-kapal dan Stesen Luar Pantai TLDM pada tahap tertinggi. Cabaran utama adalah dari segi keanggotaan di mana perjawatan di Markas Logistik Timur dan depot-depot hanya diisi purata 30%-40% sahaja. Justeru, pegawai dan anggota terpaksa memikul 2 atau 3 tugas dan ini boleh menjelaskan prestasi mereka. Selain itu juga, Depot Senggara Armada Timur kekurangan peralatan khas untuk melaksanakan pembaikan tahap *Intermediate Level Maintenance* (ILM) sementara Depot Bekalan Armada Timur dan Depot Bantuan Timur menghadapi masalah kekurangan ruang. Di samping itu, kebanyakan kontrak sedia ada dan juga yang baharu tidak memperuntukkan Markas Logistik Timur dan unit naungan sebagai Pengguna Pesanan. MPA Timur masih bergantung kepada Markas Pemerintahan Armada Barat dan ini memberi impak besar dari segi kawalan dan masa pembekalan perkhidmatan dan alat ganti. Markas Logistik Timur telah mengusulkan cadangan ke Mk TL Bahagian Material dan Kejuruteraan untuk mengkaji semua keperluan

ini. Manakala dari segi peruntukan kewangan pula, bajet untuk Pusat Tanggung Jawab (PTJ) MPA Timur masih mengekalkan jumlah peruntukan seperti mana PTJ Markas Wilayah Laut 2 sebelum ini. Dengan penambahan aset baharu, kekangan peruntukan ini memberi impak ke atas keupayaan PTJ MPA Timur dalam memberi sokongan dan bantuan logistik kepada aset-aset di bawah tanggungjawabnya.

Walau bagaimanapun, cabaran dan kekangan yang dihadapi ini tidak seharusnya menjadi halangan untuk MPA Timur berfungsi sebagaimana diharapkan. Antara pendekatan serta inisiatif yang dilakukan bagi menangani dan mengatasi cabaran tersebut adalah sentiasa bekerjasama dengan Mk TL agar kekosongan perjawatan kritikal diisi, merancang proses menaik taraf dan melengkapkan depot-depot di MPA Timur dari segi peralatan, sistem pengoperasian dan infrastruktur untuk mencapai tahap *self reliance*, dan memohon Mk TL untuk memasukkan Markas Logistik Timur sebagai Pengguna Pesanan dalam kontrak sedia ada dan baharu yang berkaitan. Markas juga turut melaksanakan latihan amali dan percambahan ilmu di kalangan anggota teknikal dalam meningkatkan tahap kompetensi mereka untuk melaksanakan selenggaran dan pemberian secara *in-house* serta melaksanakan Audit Tidak Terancang (ATT) ke atas kapal-kapal dan Stesen Luar Pantai bagi menentukan SSK dilaksanakan sebagai usaha mengurangi risiko kerosakan. Dari segi peruntukan kewangan pula, PTJ MPA Timur telah mengusulkan cadangan bajet bagi menampung kesemua keperluan alat ganti dan senggaraan bagi aset-aset di bawah tanggungjawab dalam bajet 2019.

Apakah cabaran yang dihadapi Markas dalam memastikan hala tuju Armada Timur seiring dengan hala tuju pertahanan negara?

TPA Timur: Dasar Pertahanan Negara telah menetapkan 3 asas utama iaitu Kepentingan Strategik Negara, Prinsip-prinsip Pertahanan dan Konsep Pertahanan. Dalam memastikan hala tuju Armada Timur adalah seiring dengan hala tuju pertahanan negara, markas telah mengenal pasti beberapa cabaran utama iaitu meningkatkan tahap keselamatan perairan

negara walaupun berdepan dengan kekangan kapal-kapal yang telah usang dan keupayaan terhad. Namun demikian, MPA Timur perlu memastikan status kesiagaan kapal-kapal ini sentiasa berada di tahap yang tinggi. Cabaran seterusnya adalah MPA Timur harus menangani isu pertindihan kawasan maritim seperti perairan Spratly, Laut Sulu dan Laut Sulawesi dengan secara baik dan aman, lebih-lebih lagi yang melibatkan negara jiran. Justeru, kehadiran dan pengawasan oleh kapal di perairan bertindih perlu sesuai dengan dasar semasa negara serta menangani isu ancaman bukan tradisional seperti isu rentas sempadan dan kumpulan Kidnap For Ransom (KFR).

Apakah harapan tuan kepada semua warga MPA Timur ke atas warga KD SELANGOR selaku orang baharu di markas?

PM KD SELANGOR: Saya mohon agar semua warga MPA Timur menerima kehadiran kami dengan hati yang terbuka. Kami juga memohon agar semua warga MPA Timur dapat memberi tunjuk ajar, berkongsi ilmu dan pengalaman serta bantuan sewajarnya sepanjang KD SELANGOR berkhidmat di sini.

Bagaimana pula harapan Panglima dalam memperkasakan Armada Timur?

TPA Timur: Bagi memperkasakan Armada Timur, adalah menjadi harapan saya agar pihak pengurusan tertinggi TLDM dapat terus memberikan perhatian kepada usaha-usaha Armada Timur dalam memastikan status kesiapsiagaan kapal meliputi pembaikan dan perolehan alat ganti diberikan perhatian yang serius agar kapal-kapal yang beroperasi sentiasa berada di tahap kesiagaan yang tinggi. Ini penting dalam memastikan pelaksanaan latihan di laut dapat dipertingkat dan diperbanyak sekali gus meningkatkan kemampuan peperangan Armada Timur. Kami juga berharap agar lebih banyak lagi kapal ditempatkan di Armada Timur. Akhir sekali, MPA Timur amat memerlukan sokongan padu dan bantuan dari semasa ke semasa dari MPA Barat dan markas-markas yang lain agar MPA Timur menjadi antara markas pemerintahan yang kompetitif dan disegani.

INISIATIF ADMIRAL ON DECK

Oleh: PW I PNK MD NASIR MOHAMED

Admiral on Deck adalah satu pendekatan ‘turun padang’ bagi mendorong interaksi di antara pucuk kepimpinan markas-markas formasi dan unit untuk bersama segenap lapisan warga *The Navy People*. Inisiatif ini adalah kesinambungan daripada seruan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn, dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor agar kepimpinan tertinggi setiap perkhidmatan meningkatkan interaksi bersama warga ATM bagi merungkai manfaat yang boleh dinikmati dan mengukuhkan rasa kekitaan atau ‘sense of belonging’. Ini juga selaras dengan pemerkasaan teras hala tuju Kementerian Pertahanan dalam aspek kesiagaan, keselamatan, kebaikan, perumahan dan pendidikan.

Kumpulan sasaran terdiri daripada pegawai dan anggota berpangkat Komander TLDM hingga ke Laskar Muda yang bakal menerajui TLDM di masa hadapan. Antara objektif pelaksanaan *Admiral on Deck* ini adalah:



“Saya optimis dalam pelaksanaan inisiatif ini, kerana ia bukan sahaja memberi pemahaman jelas kepada segenap lapisan anggota, malah ia juga turut menjadi medium luahan hati ke hati. Saya pasti, usaha murni ini dapat memupuk semangat bersatu padu dan kenegaraan yang tinggi pada segenap lapisan *The Navy People*”. -

Panglima Tentera Laut.

Inisiatif ini wajar dimanfaatkan untuk menjelaskan secara bersemuka dan telus kepada segenap lapisan *The Navy People* bagi menangkis fitnah dan tohongan yang tersebar meluas di media sosial. Program ini juga sesuai dimanfaatkan untuk berkongsi perancangan ke arah pembangunan keupayaan pertahanan negara terutamanya TLDM khasnya.

15to5 MENJANA PELBAGAI MANFAAT

Nazery Khalid menggariskan pelbagai manfaat yang bakal diraih dari Program Transformasi 15to5 TLDM

Pelancaran Program Transformasi 15to5 Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) membuka lembaran sejarah baru bukan sahaja kepada organisasi ini yang diamanahkan untuk mempertahankan keselamatan perairan negara malah kepada lanskap industri pertahanan dan maritim Malaysia dan aspek-apek berkaitan dengannya.


Program ini mensasarkan untuk mengurangkan jumlah kelas aset TLDM dari 15 kini kepada lima sahaja secara berperingkat. Ia bertujuan untuk memperkasakan kebolehan TLDM menjaga keamanan lautan sekeliling kita dengan penggunaan sumber yang optima dan perbelanjaan yang berhemah. Lima kelas tersebut ialah *Patrol Vessels (PV)*, *Littoral Combat Ships (LCS)*, *Littoral Mission Ships (LMS)*, *Multi -Role Support Ships (MRSS)* dan kapal selam.

15to5 terdiri dari tiga fasa iaitu phasing out kapal-kapal lama dalam armada TLDM, transformasi armada dan rancangan penukaran kapal-kapal yang sudah berusia. Sasaran yang ditetapkan untuk dicapai oleh program ini jelas menunjukkan yang analisa komprehensif dan penilaian mendalam telah dijalankan oleh pihak atasan TLDM, Kementerian Pertahanan serta agensi-agensi berkaitan keselamatan negara. Konsep SMART (*Specific, Measurable, Attainable, Relevant, Time-bound*) tampak nyata digunakan dalam merangka program ini dan menggariskan objektif-objektif serta pelaksanaannya.

Program ini juga bakal mengurangkan kos pengendalian, operasi dan pembaikan aset TLDM sejajar dengan keadaan ekonomi yang mencabar kini. Walaupun Kerajaan akur yang kegawatan ekonomi dunia memberi kesan kepada belanjawan negara, ia tidak berkompromi dalam memastikan yang keselamatan negara terjamin. Peruntukan belanjawan yang lebih kecil untuk pertahanan negara berbanding tahun-tahun sebelum kemurungan ekonomi global bermula menuntut cabang-cabang Angkatan Tentera Malaysia termasuk TLDM sendiri untuk mengamalkan perbelanjaan lebih berhemah.

Namun ini tidak seharusnya menjadi halangan kepada memenuhi tuntutan memelihara keselamatan dan kedaulatan maritim kita melalui

RMN #15to5 INITIATIVES



sebuah armada yang moden, canggih dan cekap yang mempunyai aset, peralatan serta kelengkapan terkini. Ini penting bagi membolehkan TLDM melaksanakan tanggungjawabnya yang pelbagai dan semakin rumit sebagai sebuah agensi ketenteraan dan juga melaksanakan aktiviti lain seperti pencarian dan penyelamatan (*search and rescue*), bantuan kemanusiaan dan bencana (*humanitarian assistance and disaster relief*) serta operasi anti-keganasan (*counter-terrorism*), anti-lanun (*anti-piracy*) dan pencegahan pencerobohan nelayan dan pendatang haram.

MANFAAT DARI 15TO5

15to5 bakal mendarangkan manfaat bukan sahaja dari segi ketenteraan dan kepada TLDM semata-mata. Ia diamati bakal menghasilkan pelbagai manfaat lain merangkumi pelbagai aspek kepada industri, ekonomi dan negara amnya seperti yang disenaraikan di bawah :

i) Mengoptimakan perbelanjaan mengurus armada

Sebagaimana asset-asset lain, kapal-kapal baru memerlukan kos yang jauh lebih rendah untuk diselenggarakan berbanding kapal-kapal lama. Kapal-kapal TLDM yang dilucut tauliah tidak akan melalui program penyambungan hayat kapal ataupun *Ship Life Extension Programme* (SLEP) yang memakan belanja yang bukan sedikit. Ini bakal menjimatkan perbelanjaan menguruskan kapal-kapal yang telah berumur yang tentunya memerlukan kos yang besar untuk diselenggarakan.

ii) Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara

Program 15to5 berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi negara terutamanya dalam industri pertahanan dan pembinaan / pemberian kapal. Ini boleh tercapai melalui beberapa cara termasuk :

Pembangunan vendor tempatan, terutamanya di kalangan syarikat-syarikat Bumiputra, yang terlibat dalam pembinaan kapal, membekalkan barang dan peralatan serta memberikan perkhidmatan kepada kapal-kapal baru TLDM. Pendedahan kepada projek besar sebegini memberikan peluang bagi mereka membina *track record* yang bakal membolehkan mereka melibatkan diri dalam projek-projek besar lain dan di pasaran antarabangsa.

Membentuk peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, terutamanya dalam bidang teknikal dan berkemahiran tinggi.

Membantu kepada imbangan dagangan dengan tidak membayar barang dan perkhidmatan berkaitan asset aset TLDM dengan matawang asing.

iii) Menjimatkan kos sumber manusia

Kapal-kapal baru dalam armada TLDM bakal mempunyai bilangan anak kapal yang lebih kecil berbanding kapal-kapal kelas lain terdahulunya. Sebagai contoh, LCS bakal mempunyai complement seramai 118 orang sahaja (termasuk 18 Pegawai) yang merupakan jumlah yang kecil bagi kapal sebesar ini yang panjangnya 111 meter. Kapal-kapal baru dan

moden lain iaitu LMS dan MRSS juga bakal mempunyai bilangan krew yang kecil. Ini akan mengurangkan kos sumber manusia bagi TLDM seterusnya membolehkan sumber kewangan yang ada ditumpukan kepada aspek-aspek tambah nilai seperti latihan dan pendidikan serta pembangunan dan penyelidikan (R&D).

iv) Memupuk kemahiran teknologi tinggi di kalangan rakyat tempatan

Tugas membina dan menyelenggarakan kapal-kapal canggih dalam matriks 15to5 TLDM memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi. Projek pembinaan LCS, LMS dan MRSS dan perkhidmatan *In-Service Support* (ISS) kepada kapal-kapal selam Scopene Kelas Perdana Menteri TLDM memberikan peluang kepada rakyat tempatan yang terlibat di dalamnya untuk meraih pengalaman serta meningkatkan kepakaran dalam bidang teknikal, kejuruteraan, pengurusan rantaian bekalan dan sebagainya. Ini akan menzahirkan satu *core group* yang terdiri dari rakyat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang teknologi tinggi yang boleh menjalankan aktiviti seperti rekabentuk serta pengendalian, pumbaikan dan pengubahsuai (MRO) dalam projek-projek dan kerja-kerja di bawah 15to5.

v) Meningkatkan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D)

Dengan adanya aset-aset canggih TLDM pasca-15to5 kelak, peluang terbuka luas untuk pelbagai aktiviti R&D bagi syarikat-syarikat, institusi pengajian tinggi serta para perunding tempatan untuk menjalankan aktiviti R&D bagi meneroka cfan merekabentuk peralatan, sistem serta *solutions* baru bagi menyelenggara dan membaiki kapal-kapal TLDM. Ini bakal membuaikan produk dan penyelesaian buatan Malaysia yang tentunya boleh mengurangkan kos berbanding dengan menggunakan barang dan perkhidmatan dari luar. Hasil aktiviti R&D yang dijana oleh 15to5 boleh diekspot kelak, seterusnya memberi peluang para pemain tempatan dalam industri pertahanan dan maritim terutamanya untuk meningkatkan perniagaan dgn mengembangkan industri-industri ini ke pasaran antarabangsa dengan barang dan perkhidmatan buatan Malaysia.

vi) Mengurangkan kebergantungan kepada kepakaran asing

Aset-aset canggih TLDM dalam armadanya dalam matriks 15to5 dan peralatan seperti senjata, radar dan sistem peperangan dan komunikasi memerlukan kepakaran tinggi untuk dikendalikan serta diselenggarakan. Ini memberi peluang serta pendedahan kepada rakyat tempatan dalam aspek-aspek seperti rekabentuk, pembinaan dan pumbaikan. Dengan adanya sumber manusia yang terlatih di kalangan rakyat tempatan melalui latihan, pemnidahan pengetahuan (*transfer of know how*) dan on-the-job training, mereka bakal mengambil alih kerja-kerja rumit yang dibuat oleh pakar-pakar asing dan mengurangkan kebergantungan TLDM terhadap mereka. Dengan kepakaran serta kemahiran tinggi yang ada pada rakyat tempatan, mereka boleh mendapat gaji yang lumayan seperti yang disasarkan oleh Model Baru Ekonomi. Ini bakal menarik mereka yang berkelulusan dan berkemahiran tinggi terutamanya di kalangan demografik millennials untuk mencebur industri maritim dan pertahanan amnya dan TLDM khususnya.

vii) Menyokong dasar pertahanan negara

Dengan adanya aset-aset canggih dan berkuasa tinggi yang dikendalikan oleh kakitangan terlatih, TLDM bakal berupaya meningkatkan kemantapan pertahanan laut kita seterusnya menyokong dasar pertahanan negara. Ini termasuk dalam aspek-aspek seperti kesiapsiagaan tentera laut menghadap ancaman musuh, meningkatkan keselamatan di laut serta menyokong diplomasi pertahanan negara melalui aset-aset untuk mempertahankan hak, kedaulatan serta tuntutan maritim kita.

viii) Menyemarakkan industri maritim dan pertahanan negara

15to5 juga bakal menjana manfaat komersil kepada negara terutamanya kepada industri maritim dan pertahanan. Aktiviti-aktiviti seperti pembinaan dan pumbaikan kapal, bekalan peralatan dan sistem, rekabentuk,

pengurusan rantaian bekalan, perundingan, kejuruteraan dan pelbagai lagi dilihat akan disemarakkan oleh pelan ini pada pelaksanaan peringkat seterusnya bila kapal-kapal baru seperti dalam kelas PV bertambah. Ini bakal membuka pintu peluang luas kepada para pemain tempatan dalam industri ini, seterusnya meningkatkan perniagaan mereka. Dengan *track record* penglibatan dengan kerja-kerja berkaitan 15to5, mereka boleh mencebur projek-projek besar lainnya malah menembusi pasaran antarabangsa dengan pengalaman dan kepakaran yang terbina.

ix) Menyediakan persekitaran selamat bagi aktiviti ekonomi

Manfaat tidak langsung dari 15to5 ialah keselamatan perairan negara yang lebih mantap yang menyediakan persekitaran kondusif untuk aktiviti ekonomi dijalankan tanpa sebarang hindaran. Dengan kemantapan keselamatan maritim dan terpeliharanya perairan kita dari ancaman tentera laut negara-negara lain dan dari lanun, nelayan haram dan kumpulan pengganas, aktiviti-aktiviti yang penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia seperti pencarian dan pengeluaran minyak dan gas pesisir, perikanan dan pelancongan maritim boleh dijalankan dengan aman. Ini bakal menyumbang kepada peningkatan prestasi Keluaran Negara Kasar negara seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

x) Meningkatkan mutu keseluruhan TLDM sebagai organisasi yang disegani

Manfaat terbesar 15to5 melangkaui pencapaian kecekapan yang optimal dan penjimatan perbelanjaan operasi dan penukaran aset-aset yang telah dimamah usia bagi mengimbangi armada serta kekuatan TLDM. Pada pendapat penulis, manfaat paling utama pelan berwawasan ini ialah meningkatkan mutu, imej dan kredibiliti TLDM sebagai sebuah organisasi yang tinggi tahap kewibawaan dan kesiapsiagaannya yang mengamalkan amalan terbaik atau best practices dan piawaian yang tinggi. Ini merangkumi pelbagai aspek bukan ketenteraan mahupun ekonomi seperti kebijakan kakitangan (yang aktif dan yang telah bersara), pemeliharaan alam sekitar, etika dan integriti, budaya inovasi dan kolaborasi serta kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi di pelbagai peringkat terutamnya di persada antarabangsa. Melalui 15to5, TLDM mempunyai peluang keemasan untuk bukan sahaja mentransformasikan dan memperkasakan armadanya malah memperbaiki dan merubah mentaliti, budaya dan pendekatan kerja mereka untuk menjadi sebuah organisasi yang dihormati dan disegani serta tentera laut bertaraf dunia.

15TO5 : MENJANA TRANSFORMASI TLDM

Berdasarkan pelbagai manfaat yang boleh diamati dan dibayangkan dan disenaraikan di atas, jelas yang program 15to5 bakal merupakan satu penanda aras yang bekal merevolusikan TLDM dari sebuah organisasi yang sudah sedia berwibawa kepada sartu pasukan yang lebih mantap dari semua aspek yang berkaitan dengan bidang kerja dan persekitaran tugas dan operasinya.

15to5 akan menjadi pelantar kepada pembentukan sebuah pasukan tentera laut yang lebih moden, cekap dan sentiasa sedia untuk memenuhi tanggungjawabnya untuk mempertahankan kedaulatan tanahair dan mendokong aspirasi nasional untuk mengamalkan perbelanjaan berehemah. Dengan adanya aset ketenteraan yang baru, moden dan berkuasa, kita percaya yang TLDM dapat meningkatkan imej dan tahap prestasinya dengan armada lean and mean yang membolehkannya memenuhi tanggungjawabnya di dalam persekitaran mencabar dan dinamik.

Dengan kakitangan berdedikasi dan terlatih di bawah kepimpinan yang berwibawa dan berwawasan, tidak mustahil yang pelbagai insiatif yang telah digariskan oleh TLDM selari dan sejajar dengan pelan 15to5 bukan sahaja akan dapat dijayakan malah menjadi piawaian bagi tentera laut lain yang berhajat untuk bayar ke arah transformasi.

Navy people boleh!

Penulis merupakan penganalisis maritim yang sering menyumbangkan artikel kepada Majalah Samudera. Beliau boleh dihubungi di nazerykhalid@gmail.com



**KD PERDANA belayar meninggalkan
Pangkalan TLDM Tanjung Gelang,
Kuantan untuk melakukan operasi
rondaan di Perairan Laut China Selatan.**

Foto oleh: Lt Kdr Mohamed Adib bin Abdul Razak TLDM



HARI TLDM KE- **84**

KEPADА NAVY PEOPLE & PEMBACA MAJALAH

SAMUDERA



**TRANSFORMASI
PEMACU KECEMERLANGAN**

#Kesiagaan #Keselamatan #Kebajikan
#Diplomasip Pertahanan



EKS MILAN CAPAI OBJEKTIF HUBUNGAN DIPLOMASI RENTAS SEMPADAN

Oleh: PW I PRL NORMAHAILY MOHD NOR

Foto: KD LEKIU

Eksesais Milan 2018 yang berlangsung selama lapan hari bermula 6 Mac lalu telah melabuhkan tirainya pada 13 Mac di Port Blair, India.

Latihan multilateral ini melibatkan KD LEKIU dan turut disertai kapal-kapal dari Tentera Laut Australia, Bangladesh, Indonesia, Sri Lanka, Singapura, Thailand dan Myanmar. Latihan kali ini mengekalkan tema sebelumnya iaitu Persahabatan Merentas Lautan (*Friendship across the seas*).

Eksesais Milan yang membawa maksud 'perjumpaan' dalam bahasa Hindi ini adalah siri latihan ke-10 semenjak penganjuran pertamanya oleh Tentera Laut India pada 1995. Ia dilaksanakan

dalam dua fasa utama iaitu Fasa Pelabuhan dan Fasa Laut.

Fasa Pelabuhan yang bermula 6 Mac merangkumi ketibaan kapal-kapal dan delegasi, program Seminar Maritim Antarabangsa, Perarakan Bandar Antarabangsa di Marina Drive, Demonstrasii Ikhtiar Hidup Tentera Darat India dan Persembahan Kebudayaan dan Festival Makanan di Purple Fusion. Warga KD LEKIU tidak ketinggalan turut serta memamerkan pakaian kebangsaan semasa perarakan serta mempromosikan Nasi Lemak Bungkus ketika Festival Makanan berlangsung.

Manakala Fasa Laut yang bermula pada 11 Mac menyaksikan pelaksanaan Latihan Medan (Field



Kapal dibuka untuk lawatan orang ramai

Training Exercise-FTX) dimulai dengan Photo Exercise (PHOTEX) oleh semua kapal yang terlibat sebelum kapal dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut penugasan seperti *Search and Rescue (SAR)*, *Casualty Evacuation (CASEVAC)/Medical Evacuation (MEDEVAC)*, *Visit Board Secure and Seizure (VBSS)* dan *Anti-Infiltration*.

Menariknya, eksesais sebegini memberi peluang kepada anak-anak kapal menimba pengalaman melalui interaksi bersama warga tentera laut asing dan perkongsian maklumat semasa seminar maritim

selain daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang latihan. Hal ini secara tidak langsung menjadi platform untuk memelihara hubungan diplomatik dengan negara-negara terlibat di samping menguji tahap kesiagaan kapal melalui pelayaran yang jauh ke kawasan eksesais. Ini juga adalah sejarah dengan pelaksanaan Teras Diplomasii Pertahanan yang telah digarisukkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

PANGKOR WAR UJIAN BERTERUSAN TAHAP KESIAGAAN KAPAL, ASET DAN NAVY PEOPLE

Oleh: Bahagian Pemeriksaan dan Penilaian, Markas Pemerintahan Armada Barat


LUMUT - Latihan Perang Pangkor atau lebih dikenali sebagai Pangkor War siri 2/18 telah dilaksanakan dengan jayanya pada 2 April 2018. Pangkor War kali ini melibatkan KD LEKIU, KD LEKIR, KD LEKIR, KD MAHAWANGSA, KD KASTURI, KD TERENGGANU, KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN dan KD LAKSAMANA HANG NADIM.

Antara latihan yang dilaksanakan sepanjang Pangkor War pada kali ini ialah:

- Pandu Arah Gelap
- Pandu Arah Terang
- Melalui Laluan Bebas Periuk Api
- Air Defence Exercise
- Surface Target Firing Exercise
- Light Jackstay
- Replenishment at Sea Approach

Setiap latihan yang dilaksanakan dinilai oleh tim penilai dari Markas Kesiagaan TLDM, Markas Selatan dan Peperangan Periuk Api, Pusat Peperangan Elektronik serta dari Markas Pemerintahan Armada Barat sendiri. Latihan Pangkor War yang dilaksanakan sepanjang tahun ini dapat melatih serta meningkatkan kecekapan pegawai dan anggota yang secara langsung berperanan memantapkan kesiagaan Armada TLDM.

Secara khusus, Pangkor War kali ini memberikan tumpuan kepada aspek Peperangan dan Ilmu Kelautan. Penilaian ke atas pelbagai peralatan seperti sistem pengesan, persenjataan serta keupayaan *tim Combat Information Centre* mampu memberi gambaran keupayaan sebenar setiap kapal terlibat



Deck Landing Training



Latihan RASAP



MAJLIS PERASMIAH PENUBUHAN TIM PEMANTAU ANTARABANGSA – MINDANAO

Oleh: PR MPAB-HEA

KUALA LUMPUR - Majlis Perasmian Penubuhan Tim Pemantau Antarabangsa – Mindanao 13 (TPA – M13) atau International Monitoring Team – Mindanao 13 (IMT – M13) telah disempurnakan oleh Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan Tentera, pada 6 Mac 2018 jam 11.00 pagi bertempat di Dewan Tanjung, Wisma Transit, Kuala Lumpur.

Penghantaran TPA M-13 adalah kesinambungan dalam memenuhi hasrat Kerajaan Filipina dan juga persetujuan kerajaan Malaysia untuk menghantar tim pemantau bagi tempoh dua belas bulan. TPA – M13 yang diketuai Mejuri Jeneral Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami selaku Ketua Misi mengambil alih misi pemantauan daripada TPA – M12 yang telah bertugas selama 12 bulan di Mindanao.

Tim TPA M-13 terdiri daripada 4 pegawai dan 1 anggota dari Tentera Darat Malaysia, 3 pegawai dari TLDM, 3 pegawai dari TUDM, 2 pegawai dari PDRM dan 3 kakitangan awam Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri.

Turut hadir pada Majlis tersebut adalah Panglima Tentera Darat, Panglima Tentera Udara, Timbalan Panglima Tentera Laut, Ketua Staf Markas ATM, Pemangku Ketua Staf Markas Angkatan Bersama, Pegawai-Pegawai Kanan ATM, PDRM dan Jabatan Perdana Menteri.



MALBATT 850-5: JALANI LATIHAN DAN TERIMA PINGAT

MA'RAKAH – Eksesais (eks) *Familiarization Deployment* (FAMDEP) di antara MALBATT dan *Force Commander Reserve* (FCR) telah dilaksanakan mulai 19 Feb sehingga 23 Feb 18 bertempat di Kem Ma'rakah, Selatan Lubnan.

Objektif eks ini dilaksanakan bagi menambah serta meningkatkan pengetahuan, keupayaan, kemampuan serta bekerja secara profesional dalam operasi di antara kedua-dua pihak. Selain itu, latihan ini menumpukan kepada koordinasi dan kesefahaman komunikasi serta mendedahkan elemen BMR MALBATT dalam tugas mengawal.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang latihan ini adalah sesi ice breaking, taklimat pengenalan negara dan ATM, STIR class, pameran statik senjata dan kenderaan, latihan *road accident*, pengenalan kepada perperangan hutan dan musim sejuk, hari sukan dan juga malam kebudayaan. Pada 27 Feb 18 pula, Eks SPRING 2018 dilaksanakan bagi *Table Top Exercise* (TTX), manakala pada 2 Mac 18 bagi *Live Exercise* (LIVEX) bertempat di Kem Ma'rakah dan sekitar KTJ MALBATT.

Latihan ini dinilai oleh Staf Penilai dari Markas Sektor Barat, UNIFIL berkonsepkan *Casualty and Medical Evacuation* (CASEVAC/MEDEVAC). Eks ini memberi fokus kepada pengurusan krisis, komunikasi, reaksi bantuan kecemasan perubatan dan pemindahan perubatan melalui udara. Eks ini juga menguji keupayaan MALBATT dalam mengaplikasikan *Advance Trauma Life Support* serta memahirkan keupayaan MALBATT dalam menangani insiden kecemasan terutama insiden kemalangan jalan raya.

Satu upacara Perbarisan Penganugerahan Pingat kepada anggota MALBATT telah dilangsungkan pada 5 Mac 18 di padang Kawad Kem Ma'rakah. Upacara penganugerahan pingat ini adalah merupakan satu platform untuk menganugerahkan pingat kepada setiap anggota pengaman, bukan sahaja sebagai tanda penghargaan tetapi juga sebagai motivasi yang akan memberi inspirasi kepada anggota pengaman untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik pada masa-masa akan datang.

Upacara tersebut telah disempurnakan oleh Brig Jen Rodolfo Sganga, Komander Sektor Barat dan juga tetamu kehormat iaitu Tuan Yang Terutama Mohd Aznor Mahat, Duta Malaysia ke Lubnan dan Brig Jen Abbas Zamiat, Timbalan Komander Sektor Selatan Litani.

16th United States Naval War College Regional Alumni Symposium 2018

Oleh: LT DYA NATRAH BINTI ROSLI PSSTLDM

Tentera Laut Amerika Syarikat bersama TLDM telah menganjurkan 16th United States Naval War Regional Alumni Symposium 2018 yang berlangsung dari 27 Februari hingga 1 Mac 2018.

Bertemakan 'Strengthening Global Maritime Partnership', simposium yang berlangsung di Hotel InterContinental Kuala Lumpur melibatkan pegawai tinggi tentera laut dari 12 buah negara serantau iaitu Australia, New Zealand, Singapura, Fiji, Sri Lanka, Indonesia, Tonga, Thailand, Bangladesh, Amerika Syarikat dan juga Malaysia yang telah pernah mengikuti pengajian di United States Naval War College. Pemilihan Malaysia sebagai penganjur bersama buat pertama kalinya boleh dilihat sebagai pengiktirafan Tentera Laut Amerika Syarikat terhadap usaha dan sumbangan TLDM di dalam operasi keselamatan maritim sehingga kini.

Simpodium yang membincangkan isu-isu keselamatan maritim serantau ini menjadi platform interaksi di kalangan pegawai kanan tentera laut yang mewakili tentera laut dari negara serantau dan Amerikat Syarikat. Secara amnya, simposium ini meneruskan pendidikan ketenteraan



di kalangan peserta dan mewujudkan mekanisma perhubungan bagi memantapkan kerjasama dalam isu-isu keselamatan maritim di masa hadapan.

Panglima Tentera Laut di dalam ucapannya telah menyeru agar alumni US Naval War College terus mengekalkan interaksi sambil memperkasakan diplomasi pertahanan yang sedia kukuh. Mengambil kira penganjuran julung kali simposium ini di Malaysia, ia memberi peluang kepada lebih ramai peserta dalam negara untuk hadir ke simposium tersebut.

Bersempena dengan simposium ini, satu majlis Makan Malam Rasmi telah diadakan di Penthouse Wisma Perwira ATM bagi menghargai kehadiran para peserta luar negara. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dari Badan Kesenian TLDM.

Peserta simposium juga berkesempatan untuk melawat tempat-tempat menarik di sekitar Kuala Lumpur. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah Muzium Kesenian Islam dan Putrajaya di mana para peserta telah dibawa bayar dengan bot mengelilingi Tasik Putrajaya.



SHIP REPAIR

- * KD PERAK docking & essential defects (DED)
- * KD MAHAWANGSA - Installation of fire insulation in galley
- * BM5 - Docking & essential defects (DED)
- * KD PERANTAU restoration project : Accommodation outfitting and furnishing scope of works
- * KD JEBAT docking & essential defects (DED)
- * KD KASTURI - Preservation of gearbox using Vaportec VCI



SERVICES & SUPPLY OF MARINE PRODUCTS

- * Jotun Paint - Supply of Jotun marine paint
- * Promat - Fire-rated boards and insulation for building and marine
- * Marunda Multipurpose container and cases
- * Cocinas Buraglia - Galley equipment
- * Beijing Grip Pipe
- * Wartsila - Deutz MWM marine engine, Sterntube seals & bearings and marine propulsion & shafting system



CONSULTANCY

- * KD LEKIR (Slep) – Consultant and project management to MMAM
- * Consultant to Navantia Spain (ship designer & shipbuilder)
- * Consultant to Logimatic Denmark (designer and manufacturer for integrated platform management system)



HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

- 1) Code of Ethics - 2 days / 1 day
- 2) Engineering Management - 2 days / 1 day
- 3) Health, Safety & Environment - 2 days / 1 day
- Leadership (5 Series)**
- 4) Series 1 - Effective Leaders in Engineering Organization - 1 day
- 5) Series 2 - Leadership for Entrepreneurs - 1 day
- 6) Series 3 - Transformational Leadership - 2 days
- 7) Series 4 - Impact of Leadership & Team Building in Projects - 1 day
- 8) Series 5 - Leadership in Building a Great Business - 1 day
- 9) Strategic Management (Introduction) - 1 day
- 10) Strategic Management (Advance) - 1 day
- 11) Negotiation Skills - 1 day



- 12) Naval Ship Design & Construction - 3 days
- 13) Project Management (Awareness) - 1 day
- 14) Project Management (Intermediate) - 2 days
- 15) Facilities Management (Awareness) - 1 day
- 16) Facilities Management (Intermediate) - 2 days
- 17) Team Building (Senior Management) - 3 days
- 18) Financial Management - Introduction (for Non-Financial Managers & Engineers) - 1 day
- 19) Financial Management - Intermediate (for Non-Financial Managers & Engineers) - 2 days
- 20) Communication Skills - 2 days
- 21) Guide Towards Achieving Registration as Professional Engineer Workshop - 2 days / 3 days
- 22) Technical Report Writing - 2 days



Web : www.omahams.com Email : Mail_us@omahams.com Facebook : www.facebook.com/omahams

Headquarters :

Suite 528, 5th Floor, Block A, Damansara Intan, Jalan SS20/27, 47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603 - 7729 0149 Fax: +603 - 7729 0150

Lumut Office :

No 50, 1st Floor, Jalan Permata 1, Taman Permata Pundut, 32200 Lumut, Perak, Malaysia.
Tel: +605 - 683 2312 Fax: +605 - 683 2312



► SALAM PERANTAU

Selamat HUT TLDM Ke-84 diucapkan kepada semua warga *The Navy People*. Semoga TLDM terus kekal unggul dan berjaya merealisasikan Program Transformasi 15to5 ke arah mencapai Visi *World Class Navy*.

Sedia Berkorban!

LT KDR AHMAD SYAMSURI BIN YATIMAN TLDM

G9 Staff Officer
Sector West Headquarters
Joint Task Force Lebanon
UNIFIL, Lebanon.



Saya Lt Kdr Mohd Azli bin Alias TLDM mengucapkan Selamat menyambut Hari TLDM ke 84 kepada semua *The Navy People*. Semoga Pembangunan dan Permodenan TLDM yang diusahakan kini mampu memberi kesejahteraan berpanjang untuk generasi akan datang.

LT KDR MOHD AZLI BIN ALIAS TLDM

Pejabat Penasihat Pertahanan
Kedutaan Besar Malaysia
Abdullah Alsahmi St
Al Safarat
Riyadh 12512
Arab Saudi



Selamat menyambut HUT TLDM Ke-84 kepada semua warga *The Navy People*. Semoga TLDM terus kekal gemilang dan cemerlang ke arah mendukung Pelan Strategik Transformasi Nasional 2050 yang ditetapkan oleh Pucuk Pimpinan Negara.

Sedia Berkorban!

LT KDR ALIF AIZAD BIN MOHD KHAIRI TLDM

Command & Staff Course,
Royal Brunei Armed Forces
Defence Academy



Salam 1 TLDM dari saya dan isteri serta Selamat HUT TLDM Ke-84 diucapkan kepada semua warga *The Navy People*. Semoga ALLAH S.W.T akan sentiasa memberikan kekuatan agar TLDM berjaya mencapai Visi ke arah *World Class Navy* serta merealisasikan Program Transformasi 15to5.

Sedia Berkorban!

LT KDR KHAIRUDDIN BIN AHMAD @ HASSAN TLDM

18th Naval Command and Staff Course
International Program Department
PLA Naval Command College
Nanjing, People's Republic of China



Semoga Navy People dapat melestarikan integriti yang tinggi serta berlitzam dalam memenuhi misi dan visi TLDM.
Kerja = Ibadah
Sedia Berkorban!

LT MOHAMAD SIDIQ BIN MOHAMAD ARIF TLDM

International Explosive Ordnance Disposal Course (EOD), USA



Selamat Hari Ulang Tahun TLDM Ke-84 kepada semua warga yang sedang berkhidmat, pernah berkhidmat, dan seluruh ahli keluarga *The Navy People*. Diharapkan agar TLDM terus kekal menjadi inspirasi dan merealisasikan Program Transformasi 15to5 ke arah *World Class Navy*.

Sedia Berkorban!

LT MUHAMAD HELMI BIN JASAN AHPANDI TLDM

Kursus INEP & MEAC 1/18
HMAS CERBERUS, Victoria
Australia



Selamat HUT TLDM Ke-84 diucapkan kepada seluruh warga *The Navy People*. Semoga TLDM terus cemerlang dan kekal unggul menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia.

Bangga berkhidmat

Sedia Berkorban!!!

LT KDR NORHASRAM BINTI MOHD MUHARAMI TLDM

PS2 Tadbir
MALBATT 850-5
UNIFIL, Lebanon.



Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-84 kepada semua warga *The Navy People*. Semoga TLDM sentiasa disegani dan dipandang tinggi oleh Agensi luar, dalam mencapai visi *World Class Navy* seiring dengan tema Hari HUT TLDM tahun ini "Transformasi Pemacu Kecemerlangan".

Sedia Berkorban!

LK KOM UMMI MAISARAH BINTI ABU HASAN

Markas MALBATT - S6
Wanita Kumpulan Pertama MALBATT 850-5
UNIFIL, Lebanon.





WAJAH THE NAVY PEOPLE



SEMPENA HUT TLDM KE - 84



K3M 2.0 KINI LEBIH KOMPREHENSIF

Oleh: BM TLR SUHAIRI MOHAMED ALI



Setelah setahun Aplikasi Telefon Pintar K3M (Keselamatan, Kesedaran, Komuniti Maritim) diperkenalkan kepada komuniti maritim negara, TLDM terus mengorak langkah kehadapan dengan menaik taraf aplikasi ke K3M 2.0 SEALERT. Seiring dengan arus pemodenan, aplikasi ini terus dipertingkatkan menjadi lebih komprehensif dan bermanfaat kepada masyarakat.

Jika sebelum ini K3M lebih terarah kepada penggunaan telefon pintar, penambahbaikan yang dilakukan kini membolehkan aplikasi ini digunakan di komputer (desktop web) secara aplikasi web melalui capaian satelit. Dengan usaha sama Telekom Malaysia (TM), aplikasi yang dinaik taraf ini membolehkan komuniti maritim memanfaatkan penggunaannya dengan lebih meluas walaupun berada di luar kawasan rangkaian telefon.

K3M APLIKASI MOBIL UPDATE VERSION 2.0



REPORTING PLATFORM



SOURCE OF INFORMATION



CREATE SAFE MARITIME COMMUNICATION PLATFORM COMMUNITY



INFO BLAST

AVAILABLE IN 3 LANGUAGES:
- MALAY
- MANDARIN
- ENGLISH

Download on the App Store Google play GAMMA

Aplikasi ini berguna dalam membantu dan memudahkan komuniti maritim menyampaikan maklumat mengenai aktiviti yang melanggar undang-undang negara, insiden atau masalah di laut dengan pantas kepada TLDM.

Beberapa penambahan fungsi baharu kepada K3M telah dimasukkan iaitu Info Blast, Live Chat dan My Track. Fungsi baharu ini memberikan pelbagai kelebihan kepada para penggunanya. Aplikasi percuma K3M ini sudah dimuat turun hampir 7,000 kali menerusi Apple App Store dan Google Play Store sejak dilancarkan tahun lalu. Ternyata ia berjaya memberikan impak yang positif dan mendapat sambutan daripada pengguna yang terdiri daripada kalangan nelayan dan pelaut di negara ini. Di samping itu, K3M juga menjadi satu wadah TLDM untuk terus bekerjasama erat dengan agensi yang terlibat dan komuniti maritim Malaysia.

SEA Alert Web Application - Features



WELCOME TO SEALERT

INFO BLAST

Happy Navy Day!

Lowest marine debris oil areas, consistent with addressing oil and debris monitoring information, and ensure marine debris management below magnitude eight and above.

DEFENCE SEMINAR ASIA EXHIBITION

To celebrate our 30 years in the defence industry, the exhibition will feature the latest equipment and technology designed to national security for Asia, specifically for Thailand.

WEATHER

| Date | Time | Height (m) |
|-------|-------|------------|
| Today | 00:00 | 2.5 |
| | 01:00 | 3.5 |
| | 02:00 | 2.7 |
| | 03:00 | 3.2 |
| | 04:00 | 2.9 |
| | 05:00 | 3.1 |
| | 06:00 | 2.8 |
| | 07:00 | 3.0 |
| | 08:00 | 2.6 |
| | 09:00 | 2.9 |
| | 10:00 | 2.7 |
| | 11:00 | 2.8 |
| | 12:00 | 2.7 |

TIDES

| Date | Time | Height (m) |
|-----------|-------|------------|
| Wednesday | 00:00 | 2.5 |
| | 01:00 | 3.5 |
| | 02:00 | 2.7 |
| | 03:00 | 3.2 |
| | 04:00 | 2.9 |
| | 05:00 | 3.1 |
| | 06:00 | 2.8 |
| | 07:00 | 3.0 |
| | 08:00 | 2.6 |
| | 09:00 | 2.9 |
| | 10:00 | 2.7 |
| | 11:00 | 2.8 |
| | 12:00 | 2.7 |

30 | SAMUDERA

Samudera layout 2017.indd 30


4/19/18 9:27 PM

KECURIAN DATA, KESAN DAN PENYELESAIAN

Oleh: LT M AINUL HAZMIN BIN A HAMID PSSTLDM

Kecurian data boleh ditakrif sebagai tindakan mencuri maklumat berdasarkan komputer dengan tujuan untuk menggugat hak peribadi seseorang mahupun sebuah organisasi atau cubaan memperolehi maklumat sulit dan strategik. Takrifan kedua bagi tindakan jenayah ini boleh ditakrif sebagai pemindahan yang menyalahi undang-undang ataupun simpanan mana-mana maklumat yang peribadi, sulit, berkait kewangan seperti kata laluan, kod perisian, algoritma, maklumat berkait hak-cipta ataupun dapatkan hasil teknologi baru. Faktor-faktor kepada isu ini adalah pelbagai, namun disenaraikan sembilan faktor utama paling terkenal di seluruh dunia yang menjadi penyebab kepada kecurian data:

- 1) Kesilapan atau kelalaian manusia. Contohnya, terlupa untuk 'log-out' daripada e-mail, aplikasi maklumat organisasi atau daripada server.
- 2) Kehilangan atau kecurian aset individu, organisasi ataupun di pihak 'supplier' seperti server, data sokongan yang disimpan di dalam cakera keras boleh ubah, telefon mudah alih, 'thumb drive' dan komputer riba.
- 3) 'Phishing E-mail'. Boleh ditakrif sebagai email samaran untuk memperdaya pengguna bagi mendapatkan maklumat sensitif seperti id pengguna, kata laluan, maklumat individu dan juga maklumat kad kredit.
- 4) Perbuatan khianat orang dalam di organisasi. Tindakan sabotaj orang dalaman seperti mencuri fail, rekod ataupun data strategik yang dicuri untuk dijual kepada organisasi pesaing.
- 5) Serangan siber secara terancang untuk tujuan melumpuhkan sistem maklumat organisasi, infra-



- 6) Kecuaian di pihak pembekal peralatan teknologi maklumat organisasi ketika kerja-kerja naik taraf ataupun ketika audit sistem berlangsung di premis pelanggan.
- 7) Pematuhan dan pelaksanaan polisi teknologi maklumat dan penggunaan makmal yang lemah oleh pengguna dan pentadbir.
- 8) Kegagalan organisasi secara umum menyediakan pelaburan mencukupi dalam sistem pemantauan teknologi maklumat terkini, kekurangan staf terlatih serta infrastruktur sokongan

struktur dan urusan yang berlangsung.

yang tidak mencukupi seperti server, data sokongan, perisian, peranti rangkaian keselamatan terkini dan CCTV.

9) Audit keupayaan teknologi maklumat yang jarang dilakukan. Audit ini penting untuk menilai keupayaan sebenar infrastruktur dan sistem teknologi maklumat yang ada berdasarkan ujian simulasi pertahanan dan serangan.

Di negara Amerika Syarikat pada tahun 2016, telah berlaku kebocoran dan kecurian data berkenaan anggota dan bekas anggota Tentera Laut Amerika Syarikat (US Navy) seramai 134,386

orang. Di negara Britain pula, pada tahun 2008 terdapat kes kecurian komputer riba seorang Pegawai Tentera Laut Diraja Britain (Royal Navy) yang mengandungi maklumat sensitif seramai 600,000 orang. Di Korea Selatan pula pada tahun 2014, telah berlaku kecurian data terhadap sebuah syarikat keselamatan sebanyak 104 juta butiran akaun kad kredit di sana. Malaysia juga tidak terlepas daripada isu ini, yang mana pada Januari lepas telah tersiar laporan berkenaan kebocoran data melibatkan penderma organ di negara ini seramai 220,000 orang. Akuanji derma organ ini melibatkan dari tahun Januari 2009 hingga Ogos 2016. Kes ini masih lagi

dalam siasatan melibatkan pihak POLIS Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Sememangnya seiring perubahan masa, masalah dan penyelesaian adalah saling berkait untuk menjawab pelbagai persoalan. Di bawah adalah sebahagian daripadanya:

1) Perlaksanaan kaedah 'encryption' dan kata laluan yang sukar.

Peringkat aplikasi kepada 'encryption' ini boleh diselaraskan kepada peringkat profil dan akaun pengguna. Contohnya boleh dilihat kepada produk perisian macOS untuk kegunaan produk-produk Apple yang menggunakan sistem 'FileVault', sistem operasi Windows yang menggunakan 'BitLocker'. Manakala iOS dan Android yang digunakan pada telefon bimbit mengaplikasikan teknik 'encryption' apabila kod akses bukaan data diselaras.

2) Penggera masa tamat dan pengenalan diri.

Ciri-ciri ini boleh diselaraskan kepada komputer dan perisian sistem komputer sekiranya, pengguna berhenti menggunakan komputer buat seketika. Sebagai contoh jika kita tidak mahu komputer terus terpasang, kita boleh setkan masa henti seketika untuk komputer tersebut agar tidak mudah diakses atau dilihat oleh orang lain.

3) Pengenalan 2 kali pengesahan diri.

Teknik ini memerlukan pengguna untuk melalui 2 fasa pengesahan berbeza di dalam sistem, setiap kali capaian kepada sesuatu data atau fail ingin dilakukan.

4) Keperluan pengesahan setiap kali capaian kepada sumber maklumat sensitif dibuat.

Sesetengah sumber maklumat dan data mungkin sensitif untuk dicapai. Sebagai contoh capaian kepada pangkalan data yang mengandungi profil

pengguna seramai 130,000 pengguna memerlukan status sensitiviti maklumat bagi setiap individu yang mempunyai akaun dan capaian maklumat yang berbeza.

- 5) Mendidik pengguna mematuhi polisi teknologi maklumat agar tidak melakukan salinan maklumat sensitif. Pengurusan dan pentadbiran kemudahan teknologi maklumat perlu merangka polisi dan penguasaan yang berkesan, agar peluang untuk pihak lain mencuri sebarang data adalah tipis. Pengguna boleh dididik dengan hanya menyimpan maklumat yang perlu sahaja.

6) Menggunakan aplikasi 'geofencing' dan pemeriksaan lokasi geografi berlakunya insiden kecurian.

Gangguan terhadap akaun pengguna atau aktiviti capaian yang mencurigakan dari luar dapat memberi makluman kritis kepada pasukan keselamatan teknologi maklumat untuk bertindak mengesan pencerobohan dan kecurian dan bertindak menyekat laluan oleh pihak penceroboh.

7) Kemaskini status perisian yang digunakan.

Pentadbir sistem dan pengguna perlu memastikan kemudahan perisian komputer masing-masing dikemaskini dengan maklumat terkini terutamanya dari aspek sistem operasi, perisian keselamatan internet dan anti-virus.

8) Pengujian perisian menggunakan data dan maklumat bagi ujian setempat.

Penggunaan set data ujian dan data operasi harus dibezakan dari hari pertama ujian perisian ingin dilaksanakan. Begitu juga akan kemudahan perkakasan yang diguna untuk ujian dan juga operasi.

Kesimpulannya perkembangan teknologi maklumat terkini yang pesat seperti 'Internet of Things',

Infografik dibawakan khas oleh www.astroawani.com


astro AWANI

Sumber: CA Technologies

'Big Data', 'Cloud Computing', 'Cyber Security', 'Hybrid Cloud', 'Digital Business, infrastructure and workplaces' memerlukan TLDM untuk bersedia dalam memahami keperluan teknologi di dalam perkhidmatannya dan juga dalam mendepani cabaran dan masalah-masalah yang di bawa oleh setiap trend terkini dalam teknologi maklumat.

Sebagai salah satu cabang perkhidmatan ATM yang strategik, pastinya pihak TLDM akan meneruskan usaha dalam memastikan aspek keselamatan dalam infrastruktur, asset-asset

maklumat dan keselamatan sistem pengkomputerannya berada dalam kesiagaan dan kawalan tertinggi. Dengan memahami bermacam permasalahan dalam dunia IT sekarang, pastinya banyak pengajaran dan penyelesaian dapat dikenal pasti untuk diterap, dilatih dan diaplikasi seandainya berlaku kejadian yang tidak diingini. Paling penting adalah kesedaran setiap warga TLDM untuk berhati-hati dan sensitif apabila berurusan dengan maklumat di internet dan komputer pada setiap masa.



Still puzzling over
what's going on?

Get complete
situational
awareness.

Rohde & Schwarz now offers a complete range of signal intelligence systems for the success of your mission. Our new digital radar signal collection and analysis (ELINT) solution now perfectly complements our sophisticated COMINT / CESM systems. Our complete turnkey solutions are modular, scalable, customizable – and all from a single source.

www.rohde-schwarz.com/ad/puzzle

 ROHDE & SCHWARZ

MUZIUM KAPAL SELAM IMBAU MEMORI KRU PERTAMA OUESSANT AGOSTA 70

Oleh: PW I PRL NORMAHAILY MOHD NOR

Foto: BK KOM Shapilin Dolmat



Laksamana Pertama Baharuddin menerima cenderahati daripada Datuk Wira Hajah Norpipah Abdol



Kdr Hafiz dan Pegawai Waran I Johan terharu berpeluang menaiki kapal selam yang dijadikan platform latihan pertama untuk kru kapal selam



Lim Peng Seng dan isteri mengakui kagum dengan pengorbanan kru kapal selam

MELAKA – “Kagum!” Satu perkataan menggambarkan seribu satu perasaan buat Lim Peng Seng, pengunjung dari Pulau Pinang yang baru pertama kali merasai pengalaman menaiki Kapal Selam.

“Tapi saya hairan, bagaimana mereka boleh tinggal di dalam perut kapal selam ini dalam tempoh yang lama sedangkan baru setengah jam saya sudah rasa sesak nafas,” Soal Lim teruja.

Lim merupakan antara ribuan pengunjung yang membanjiri Kompleks Pelancongan Klebang, Melaka sempena sambutan Ulang tahun Ke-6 Muzium Kapal Selam yang diadakan penuh gilang-gemilang pada 10 Mac 18 lalu. Bersempena sambutan itu juga, seramai 11 kru pertama Kapal Selam OUESSANT AGOSTA 70 turut diraikan dalam majlis ringkas tetapi

cukup bermakna. Pertemuan penuh dramatik ini secara tidak langsung telah mengimbau memori pahit manis kru yang hadir.

Majlis dirasmikan Timbalan Exco Pembangunan Belia dan Warisan Negeri Melaka merangkap Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Datuk Wira Hajah Norpipah Abdol. Hadir sama, Asisten Ketua Staf Operasi dan Eksesais Markas Tentera Laut, Laksamana Muda Datuk Khairul Anuar Yahya dan Pengurus Besar PERZIM, Datuk Haji Khamis Haji Abas.

Muzium Kapal Selam ini merupakan yang pertama di Malaysia. Kapal selam buatan Perancis ini dahulunya dimiliki oleh TLDM dan merupakan tempat latihan kru pertama kapal selam di negara ini bermula tahun 2005 hingga 2009. Kali terakhir kapal selam ini digunakan

oleh TLDM dan Tentera Laut Perancis ialah ketika melakukan pelayaran di Lautan Atlantik pada Julai 2009.

Kapal Selam yang dibina pada tahun 1979 dengan seberat 1200 tan ini telah dibawa ke Malaysia untuk dijadikan muzium. Dengan perbelanjaan sebanyak RM12.6 Juta, kapal selam ini adalah simbol kemajuan negara dalam bidang pertahanan maritim.

Kini, Muzium Kapal Selam ini telah enam tahun berada di Pantai Berlian, Klebang dan menjadi satu tarikan kepada orang ramai. Pada tahun 2017, muzium ini mencatat seramai 169,234 orang pelawat dan menjadi muzium kedua mempunyai jumlah pelawat tertinggi berbanding muzium-muzium lain di pentadbiran PERZIM.

INISIATIF GREEN NAVY KE ARAH TLDM LESTARI

Oleh: Kdr Mohd Shamsul Amery bin Zainuddin TLDM

Green Navy merupakan suatu inisiatif yang telah diperkenalkan sejak tahun 2016 bagi menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara yang memfokuskan kepada pemuliharaan alam sekitar untuk kepentingan generasi akan datang. TLDM turut mempunyai tanggungjawab sosial terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar selain fungsi teras melindungi kedaulatan dan kepentingan maritim negara. Justeru, TLDM telah membangunkan Pelan Green Navy 2018-2030 untuk dijadikan panduan kepada warga TLDM dalam merealisasikan komitmen yang telah dihasratkan.

Pelan *Green Navy* 2018-2030 merupakan panduan umum kepada *the Navy People* dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menyumbang kepada aspek penjimatatan tenaga dan air, pengurangan pembebasan karbon serta pengurusan sisa pepejal yang efektif. Sebanyak 12 inisiatif utama telah dikenal pasti bagi menyokong pelan ini dan ia adalah sejajar dengan program yang dilaksanakan di peringkat nasional. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. **PANGKALAN RENDAH KARBON.** Menggunakan Kerangka Perbandaran Rendah Karbon atau *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* (LCCF) bertujuan untuk mengurangkan pembebasan karbon di dalam pangkalan-pangkalan TLDM.
2. **PENGHIJAUAN PANGKALAN.** Memfokuskan kepada usaha meningkatkan penghijauan pangkalan melalui penanaman pokok tediuh secara terancang untuk mewujudkan persekitaran dan landskap yang berkoncepcian hijau.
3. **KECEKAPAN TENAGA.** Memfokuskan kepada aspek penggunaan tenaga yang cermat, berhemat dan bijaksana.
4. **PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN.** Melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja Kerajaan dengan mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar.
5. **ARMADA HIJAU.** Melaksanakan aktiviti retrofit ke atas peralatan-peralatan kapal yang akan menyumbang kepada pengurangan pembebasan karbon dan bahan buangan (*blackwater and greywater*).
6. **PENGURUSAN AIR.** Memfokuskan kepada usaha pengawalan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan penggunaan air secara berhemah demi memastikan kelangsungan sumber air.
7. **PENGURUSAN SISA.** Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepada, kos efektif dan mapan dengan memberi keutamaan terhadap pengurangan sisa pepejal melalui program 3R (*reduce, reuse, recycle*).
8. **PENGURUSAN PENGANGKUTAN.** Memfokuskan kepada usaha mengurangkan pembebasan karbon daripada kenderaan di pangkalan-pangkalan TLDM dengan memudahkan pembangunan infrastruktur kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.
9. **ICT HIJAU.** Penggunaan peralatan ICT yang memberi kesan minimum terhadap alam sekitar seterusnya mengurangkan penggunaan bahan berbahaya, menjimatkan tenaga elektrik dan memanjangkan jangka hayat penggunaan produk ICT.

INISIATIF UTAMA GREEN NAVY 2018 - 2030



10. **TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI.** Mempertimbangkan penggunaan tenaga yang dijana daripada sumber semula jadi seperti Cahaya suria, angin, hujan, ombak, geotermal, yang boleh diperbaharui secara semula jadi.
11. **EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM.** Mengimplementasi EKSA secara bersepada bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif.
12. **PEMBANGUNAN KAPASITI HIJAU.** Melaksanakan program latihan dan pendidikan berterusan bagi meningkatkan kapasiti sumber manusia yang berkaitan dengan Teknologi Hijau.

Pada masa kini, pelaksanaan inisiatif Pangkalan Rendah Karbon sedang dilaksanakan di Pangkalan Lumut sebagai projek rintis. Ia kemudiannya akan diperluaskan kepada pangkalan-pangkalan TLDM utama yang lain secara berperingkat. Pangkalan TLDM Lumut disasarkan untuk mencapai pengurangan karbon sehingga 10% pada tahun 2019. Justeru, bagi mencapai sasaran tersebut komitmen dan penglibatan warga ke arah pengurangan pembebasan karbon adalah amat penting. Tindakan yang boleh diambil oleh setiap warga pangkalan antaranya adalah seperti berikut:

- Mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sama ada di pejabat maupun di tempat kediaman masing-masing.
- Mengurangkan pergerakan menggunakan kenderaan di dalam pangkalan. Perkongsian kenderaan amatlah digalakkan.
- Mengamalkan kitar semula bagi mengurangkan sisa buangan.
- Menggalakkan penanaman pokok yang mampu menghijaukan kawasan persekitaran.
- Memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar di kalangan warga kerja dan ahli keluarga masing-masing.

Pelan *Green Navy* 2018-2030 diharap akan menjadi pemangkin dalam usaha TLDM mengekalkan kelestarian alam sekitar demi manfaat generasi akan datang. Seluruh warga TLDM akan memberi komitmen padu dalam memastikan segala inisiatif dan program yang direncana dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Semoga usaha murni ini akan memberi impak kepada kelestarian alam sekitar dan seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan warga TLDM khasnya dan masyarakat amnya.

PELAN INTEGRITI ORGANISASI TLDM

Oleh: KDR SHAMSUL AMERY BIN ZAINUDDIN TLDM

Integriti merupakan nilai teras dan kualiti unggul yang penting kepada sesebuah organisasi khususnya TLDM bagi membimbing individu dan organisasi melaksanakan tanggungjawab untuk memelihara keadauan dan kepentingan negara. Integriti telah dijadikan sebagai antara kriteria penilaian oleh pihak MAMPU dalam Audit Penarafan Bintang (SSR) manakala agenda pembudayaan integriti pula dijadikan sebagai salah satu objektif strategik dalam Sistem Pengurusan Strategik ATM. Menyedari akan hakikat ini, maka suatu panduan yang jelas berhubung dengan pengukuhan dan pembudayaan integriti dalam TLDM perlu dibangunkan. Justeru, pada 18 Jan 18, Panglima Tentera Laut telah melancarkan Pelan Integriti Organisasi (PIO TLDM) sejajar dengan inisiatif membudayaikan integriti di kalangan *Navy People*.

INISIATIF PIO TLDM

Inisiatif menerbitkan PIO TLDM adalah seiring dengan Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus melalui Arah YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 2014, Pelan Integriti Nasional dan Pelan Integriti Angkatan Tentera Malaysia. Sebanyak 6 strategi pelaksanaan integriti telah digariskan di dalam PIO TLDM. Strategi-strategi pelaksanaan integriti yang disenaraikan dalam PIO TLDM juga selaras dengan arahan pelaksanaan Pelan Intervensi Pengukuhan Integriti Angkatan Tentera Malaysia (PIPI ATM) yang telah dieluarkan oleh Markas ATM iaitu pelan yang telah disepakati di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Angkatan

Tentera Malaysia (JITU ATM) Penggal Kedua Tahun 2017. Oleh itu kewujudan pelan ini dilihat dapat menjadi wadah yang komprehensif untuk diikuti oleh Pegawai Integriti di Markas dan Unit-unit TLDM bagi memberi kesedaran dan panduan kepada setiap peringkat warga TLDM dalam usaha memperkasakan nilai-nilai murni di organisasi masing-masing. Setiap ciptaan manusia akan lapuk ditelan masa, untuk itu, pelan ini juga akan disemak dari masa ke masa untuk memastikan ia sentiasa relevan dengan perubahan persekitaran semasa.

MEMBUDAYAKAN HIDUP BERINTEGRITI SUATU HARAPAN

TLDM sentiasa melaksanakan program kesedaran dan penambahbaikan berhubung

dasar serta perundangan integriti di samping memperkasa sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan bagi menangani gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Tidak ketinggalan juga langkah mempromosi dan membudayakan hidup berintegriti warga TLDM kepada masyarakat sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Usaha menyeluruh permuafakatan dengan agensi penguatkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia turut dilaksanakan bagi mencapai satu penghasilan yang lebih bermanfaat. PIO TLDM boleh dimuat turun dengan melayari Portal Rasmi TLDM di laman <http://www.navy.mil.my/index.php/pelan-integriti-organisasi-tldm>.

STRATEGI PELAKSANAAN INTEGRITI TLDM



- Strategi 1 : Memantapkan Tadbir Urus
- Strategi 2 : Meningkatkan Keberkesanan Sistem dan Penyampaian Perkhidmatan
- Strategi 3 : Memperkasa Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan
- Strategi 4 : Memperkasa Pembudayaan Nilai-nilai Murni dan Kod Etika
- Strategi 5 : Meningkatkan Pengurusan Pelangan
- Strategi 6 : Membina Pemuafakatan dengan Pihak-pihak Berkepentingan



GELOMBANG OCEAN'S 18

Oleh: PKK SHAFIQAH BINTI ISMAIL PSSTLDM, KD SRI KLANG



Sudah menjadi lumrah, ramai yang melalui kesibukan hidup dan memikirkan nasib serta keluhan diri sendiri sahaja. Rutin bertungkus lumus di tempat kerja dan pulang ke pangkuhan keluarga tersayang sudahpun ruji. Persoalan keamanan negara tidak terlintas di fikiran. Malah konflik antarabangsa dianggap sebagai masalah global yang dilihat dari wacana berita dan rencana media sosial semata. Seolahnya ia tidak mentiris kesan ke atas keluarga sendiri secara langsung atau tidak langsung.

Di saat asakan kelangsungan ekonomi negara yang terus dilalui oleh rakyatnya, mujur terdapat kesedaran untuk menjaga keamanan perairan negara oleh para sukarelawan yang diiktiraf. Dikenali sebagai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM). Meskipun ia berarah kepada semangat sukarela, latihan yang diberi, diwujudkan oleh Bahagian Pasukan Simpanan, Markas Tentera Laut (N8) TLDM dilalui dengan mentaliti 'Sedia Berkorban', dilaksanakan sehabis baik oleh anggota-anggota PSSTLDM.

Mengambil contoh daripada pengambilan pegawai PSSTLDM yang ke-40, KD SRI KLANG bermula Mac 2017 yang lalu, atau lebih mesra dikenali sebagai The Ocean's 18. Pengambilan yang berwarna majmuk oleh ahlinya yang berbilang kaum, umur dan latar belakang kerjaya seolah-olah melengkapi sebuah organisasi yang seimbang, ceria dan bersemangat sepasukan sejak ia ditubuhkan. Kepelbagaiannya kerjaya seperti eksekutif berkemahiran dan profesional, akauntan, peguam, arkitek, pemilik perusahaan, media kreatif, malah juga ahli biologis bukan sesekali alasan untuk terus kekal menjalani latihan sebagai satu pasukan yang bertoleransi, sesuai dengan prinsip 'Diplomasi Pertahanan' yang sering diungkapkan di banyak ceramah keamanan yang diadakan di dalam unit kelahiran The Ocean's 18 sendiri; KD SRI KLANG.

Percambahan ilmu yang diperoleh tentang pertahanan maritim dihayati setiap kali latihan ditingkatkan dari Fasa 1 sehingga 6. Kesahaman menjalani hidup berdisiplin seperti mana pegawai TLDM turut dirasai seawal Fasa 1 atau lebih dikenali dengan frasa square bashing. Di Fasa 1 inilah transisi awam kepada separuh ketenteraan bermula. Selain menguji ketahanan individu, ia juga mendidik ahli The Ocean's 18 menjadi lebih bersedia dan fokus untuk melaksanakan tugas. Sekalipun merasakan penat dan tertekan, ia tidak menjelaskan perkiraan untuk kekal bekerjasama dan relevan. Ini antara nilai yang tinggi dalam penyertaan sebagai bakal pegawai PSSTLDM. Bak kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Selanjutnya untuk Fasa 3 & 6 lawatan ke Markas Pemerintahan Armada Barat saban tahun ibarat menyuluh kepada jasa-jasa yang tersembunyi daripada mata awam yang diusahakan oleh unit-unit di dalam TLDM. Setiap satunya fokus dan komited, membantu dan melengkapi unit-unit yang lain. Sel-sel yang bergerak dengan tanggungjawab yang istimewa ini membentuk organisasi pertahanan yang efektif dan disegani di mata dunia. Ini dapat dilihat istimewa dengan lawatan yang diikuti, malah peluang untuk merasai sendiri aktiviti seperti menembak, memahami komponen kapal di masa aman dan di masa perang semestinya tidak dilepaskan oleh warga The Ocean's 18. Sebagai benteng kedua pertahanan, pendedahan ini seperti eksplorasi konseptual secara dasar. Ia menjurus kepada pertahanan secara teratur dan bijaksana. Sekiranya dihayati dengan baik, ia meninggalkan kesan yang mendalam kerana ia dilalui sendiri sebagai pegawai dalam latihan PSSTLDM yang kemudian akan menjalani kehidupan bersama awam seusai sesebuah



latihan. Semestinya ia menambah rasa syukur akan keamanan yang masih dinikmati.

Boleh dikatakan sistem ini dipinjam dan diadaptasi kembali kepada sistem N8. Ia mengajar tentang kewaspadaan dan ketangkasan, jika ianya sentiasa dilakukan dapat memastikan penyatuan sesuatu pasukan di aras maksimum, dalam menghadapi situasi genting. Sesungguhnya unit N8 adalah unit yang akan dibanggakan sepanjang zaman seiring dengan unit N1 sehingga N10 di dalam keluarga TLDM. Mengambil contoh daripada pemerhatian sepanjang lawatan, kami berasa terpanggil untuk meningkatkan keberkesanan dan sumbangan PSSTLDM. Salah satu kekuatan anggota PSSTLDM umumnya dan The Ocean's 18 khasnya adalah budaya eksekutif yang digubal menjadi dinamik di dalam ketenteraan. Sebagai contoh, untuk mencapai sesuatu objektif, tatacara pengurusan bermula dari awal diatur dan diawasi secara berperingkat. Ini akan membuatkan hasil yang signifikan dan menepati objektif yang diamanatkan. Tiada tugas yang dipandang remeh dan tiada ahli yang terkecuali. Sistem pimpinan bergilir diterapkan di setiap latihan yang disertai. Kesungguhan dan ketekunan dalam melaksanakan tugas juga adalah sifat yang sesuai diamalkan baik dari segi korporat atau ketenteraan.

Kewujudan The Ocean's 18 dalam jangka masa singkat berjaya menjenamakan unit N8 secara umumnya kepada masyarakat awam secara berkala. Ia juga seperti mewarnai profesyen sukarelawan ketenteraan di Malaysia. Tujuan pembinaan laman sosial Instagram adalah untuk mendekati generasi muda dan pengguna platform tersebut agar imej ceria terwujud. Ia juga membuktikan tiada tugas yang mustahil layak didukung oleh seorang yang berkerjaya dan meminati bidang ketenteraan.

Selain keterampilan yang bakal digilap, kemahiran dan pengetahuan juga akan meningkatkan nilai diri seseorang yang menyertai PASUKAN SIMPANAN SUKARELA TLDM. Semoga individu yang terpilih dapat menambah nilai diri positif semaksima mungkin dan tampil lebih berdaya saing, dengan unit N8, PSSTLDM seluruh Malaysia.

The Ocean's 18 mempunyai objektif yang kukuh dan komited untuk menjadi pemangkin kepada Program Transformasi 15 ke 5 TLDM dan juga sekaligus menyokong Program Transformasi PSSTLDM. 'Lead by Example' adalah prinsip The Ocean's 18 untuk kekal relevan.

Jom Majukan PSSTLDM

Oleh: KEPT PROF MADYA ZAINAL ASHIRIN PSSTLDM,
Pegawai Memerintah PSTL Setiu



**"Ini uniform apa ye?"
"PSSTLDM ni stands for what?"
"Encik dari company security
guard mana ye?"
"Maaf encik, saya ingatkan tadi
encik kakitangan hospital ni"**



Empat pertanyaan di atas adalah antara yang pernah diajukan kepada saya. Kemungkinan ada anggota dan pegawai Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) lain pernah mendapat soalan sama. Dalam benak fikiran saya masih ramai di luar sana belum mengenali PSSTLDM walaupun kewujudannya telah menjangkau puluhan tahun. Di manakah kelemahan sehingga PSSTLDM masih tidak dikenali sepenuhnya.

Saya tidak berhasrat untuk menghuraikan dengan terperinci peranan PSSTLDM, tapi saya terpanggil untuk menyatakan pentingnya maklumat dan promosi mengenai PSSTLDM yang perlu disebarluaskan agar lebih ramai masyarakat di luar sana mengenali PSSTLDM.

Secara amnya saya amat bangga dengan mereka yang telah menganggotai PSSTLDM. Mereka memahami dan menghayati nilai-nilai 3K (kesegakan, kesihatan dan kecerdasan), 4K (kebanggaan, kehormatan, kesetiaan dan keberanian) serta amalan 5S (sisih, susun, sapu, seragam, sentiasa amal) yang diperkenalkan oleh TLDM, walaupun tidak diperaktikan 100%. Yang pasti, kesegakan mereka terserah dengan uniform TLDM dan dengan sendirinya mereka dapat mengawal perlakuan, disiplin diri dan komitmen terhadap arahan dan tugas dalam pasukan. Jika keadaan ini diamalkan di tempat kerja atau agensi di

mana anggota berkenaan bertugas secara tetap, pastinya majikan akan turut berbangga.

Saya berpandangan di sinilah peranan anggota, agar sentiasa mempamerkan disiplin diri dan komitmen yang tinggi terhadap tugas, dengan harapan agar ramai majikan tertarik untuk membenarkan staf mereka yang layak dan sesuai untuk menyertai pasukan ini.

Sejak kebelakangan ini, promosi dan pengambilan anggota baharu giat dilaksanakan. Selain mengadakan gerai pameran, permohonan di atas talian telah mula diperkenalkan. Ini juga adalah satu kaedah yang berkesan untuk mempromosi PSSTLDM. Apa yang penting maklumat yang dimuatkan adalah tepat dan tidak mengelirukan, lebih-lebih lagi tentang perbezaan di antara Perkhidmatan Tetap dan Pasukan Simpanan.

Seperkara lagi yang saya amati ialah dengan keterlibatan Pegawai Kehormat PSSTLDM dari kalangan profesional, tokoh korporat dan public figure yang mempunyai pengaruh meluas. Kehadiran mereka dengan memakai uniform dalam apa jua majlis tentera pasti akan menjadi perhatian umum, apatah lagi kalau mereka dijemput untuk memberi ucapan. Jemputan ke atas mereka untuk terlibat dalam aktiviti ucapan umum, makan

beradat, Pangkor War, Tioman War dan seumpamanya amatlah bertepatan sebagai pendedahan untuk mereka mengetahui selok belok dunia TLDM. Dengan pengalaman ini, mereka boleh bercerita, memberi penerangan dan membentulkan persepsi serta boleh mempengaruhi masyarakat, khususnya belia untuk terlibat dalam pasukan sukarela ini.

PSSTLDM amat berbesar hati kepada pucuk pimpinan TLDM yang sentiasa prihatin dan mengambil berat ke atas perjalanan dan aktiviti yang dilaksanakan. Secara langsung, ini memberi galakan dan semangat untuk mereka terus kekal dan aktif dalam pasukan. Kepada pegawai dan anggota PSSTLDM, syabas kerana anda telah membuat pilihan yang tepat dan bijak. Ikutilah kursus yang disediakan untuk kenaikan pangkat dan kelangsungan anda di dalam unit. Sentiasalah mendekati masyarakat dengan baik di luar sana melalui program jiwa murni yang dikendalikan oleh unit agar mereka mengetahui kewujudan kita, di samping menggalakkan belia tempatan untuk menyertai kita. Saya percaya anda akan terus maju dalam kerjaya anda sekiranya anda mengamalkan nilai dan etika murni yang disemai ke dalam diri anda melalui latihan yang anda jalani bersama PSSTLDM. Salam hormat dan SEDIA BERKORBAN.



Ketua jangan bersifat stereotaip

Oleh: LT KDR NOR MELISSA BINTI YAYANTO TLDM

Foto: PR MPAB

DALAM lembut berbicara, terpancar nada tegas di setiap tutur katanya. Dalam manis wajahnya, terpancar keazaman yang bakal direalisasikannya. Menjadi wanita pertama menyandang pangkat Kepten TLDM pastinya teriring populariti apabila nama dan wajah sering menghiasi dada media massa dan media sosial. Namun, bagi pemilik nama Kepten Rohana Jupri TLDM, pangkat yang digalas ini merupakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh pucuk pimpinan TLDM kepada beliau. Menjadi pegawai wanita terkanan dalam TLDM juga bermakna beliau perlu membawa ‘suara’ serta sebagai role model bagi warga wanita TLDM dalam menyampaikan aspirasi dan pandangan mereka untuk diangkat ke peringkat tertinggi.

Kenaikan pangkat beliau turut diiringi dengan kepercayaan oleh pengurusan tertinggi TLDM untuk memikul tugas sebagai Pegawai Memerintah Depot Bekalan Armada Barat. Menyedari tanggungjawab dan cabaran yang besar dipundak beliau, beberapa inisiatif telah digarap dalam memastikan sokongan pembekalan alat ganti kapal tidak terjejas dan pegangan kewangan sentiasa mencukupi. Selain itu juga, beliau sentiasa membuat tapisan secara teliti dengan memperhalusi setiap permohonan alat ganti mengikut keutamaan dan kewajaran permohonan. Cara ini perlu dilakukan oleh pihak Depot dalam mengenal pasti keperluan sebenar permohonan alatganti daripada kapal-kapal agar pengoperasian mereka sentiasa lancar. Depot di bawah pemerintahan beliau juga sentiasa bersifat terbuka dengan melaksanakan mesyuarat bersama pihak kapal untuk mendapatkan maklumat secara jelas agar pembekalan alat ganti menepati spesifikasi keperluan pengguna. Penggunaan Sistem e-demand dan Sistem Pengurusan Inventori

Armada (SPIAV2) sentiasa dioptimumkan yang bakal memudahkan rujukan di masa hadapan.

Sebagai Pegawai Memerintah, Kepten Rohana memandang serius aspek integriti di kalangan warga unitnya. Beliau sentiasa mengingatkan semua warga Depot untuk memelihara integriti yang tinggi dan jujur dalam melunaskan tanggungjawab yang diamanahkan. Beliau menerapkan budaya saling menegur di kalangan warga Depot agar anasir negatif tidak tular dalam organisasi. Kepten Rohana juga gembira dapat berkerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam usaha membentras gejala rasuah. Sudah tentu dengan kerjasama ini akan dapat mengekang berlakunya kes-kes pencemaran integriti di kalangan warga Depot.

Perolehan kapal jenis Littoral Combatant Ship dan Littoral Mission Ship pastinya akan turut membuka peluang kepada pegawai dan anggota wanita TLDM untuk berkhidmat di kapal. Kepten Rohana menegaskan dalam era moden dan

globalisasi ini, sumbangan warga wanita TLDM dilihat semakin signifikan kerana berupaya menguruskan kerjaya dan rumah tangga secara serentak dengan begitu baik. Kebanyakan wanita TLDM kini mempunyai semangat yang tinggi, bersikap proaktif, sering mencabar kemampuan diri sendiri, mampu berdikari serta bijak dalam mengimbangi kerjaya dan rumah tangga. Beliau turut menyeru wanita TLDM untuk merebut peluang perjawatan di kapal untuk meluaskan pengalaman dan pengetahuan. Beliau juga berpendapat label seperti “bos wanita lebih cerewet dan cepat terasa hati” adalah pernyataan skeptikal masyarakat terhadap kemampuan wanita. Menurut beliau, stigma ini tidak berakar umbi kepada wanita sahaja kerana ianya lebih kepada personaliti seseorang individu tanpa mengira jantina. Beliau menegaskan seorang wanita, apakah lagi seorang ketua, tidak seharusnya bersifat stereotaip kerana adalah menjadi keutamaan seorang ketua untuk menjadi contoh yang baik, berupaya membuat keputusan yang terbaik dan mampu mengawal emosi meskipun dalam keadaan penuh tekanan.

Pada kesempatan ini juga, Kepten Rohana meletakkan harapan yang penuh kepada wanita TLDM untuk sentiasa berfikiran positif dan berusaha meningkatkan tahap kecekapan dalam menggalas tugas. Di akhir bicara, beliau menegaskan bahawa walaupun lahiriah wanita adalah lemah lembut dan bersopan santun, namun sifat ini tidak akan membataskan wanita TLDM untuk turut sama menggempur musuh tatkala kedaulatan negara cuba digugat.

MALAYSIA KE-5 PALING AKTIF GUNA MEDIA SOSIAL


Oleh: LT MOHD FARLY BIN MOHD NOORASHID TLDM, RISLA MKTL

Berdasarkan Laporan Digital Hootsuite dan *We Are Social*, Malaysia menduduki tangga ke-5 pengguna paling aktif menggunakan media sosial. Secara purata, seorang rakyat Malaysia akan menghabiskan masa selama 3 jam melayari media sosial dan aktiviti-aktiviti berdasarkan internet termasuk urusan perbankan, urus niaga atas talian serta pelbagai urusan lain.

Daripada statistik yang sama, didapati 79% peratus rakyat Malaysia memiliki capaian internet dan dari jumlah tersebut, seramai 24 juta rakyat Malaysia adalah pengguna aktif rangkaian media sosial. Ini bermakna, 75% rakyat Malaysia memiliki akaun sosial yang aktif dan boleh dikatakan hampir semua warga TLDM mempunyai akaun media sosial.

Memiliki telefon pintar dan akses internet telah menjadi satu keperluan dalam melancarkan urusan harian kita. Namun, cukup pintarkah kita sebagai warga ATM yang telah berikrar untuk menyimpan rahsia negara dengan seketar-ketatnya memantau sendiri akaun media sosial kita?

Seringkali berlaku kebocoran maklumat secara tidak sengaja yang dilakukan warga ATM melalui media sosial. Menyedari perkara tersebut, ATM telah mengeluarkan Garis Panduan Media Sosial Anggota ATM dan menguatkuaskan pengarahan melalui Perintah Am Angkatan Tentera (PAAT) Bil 1/13 Perintah Pencegahan Pencemaran Maklumat ATM Melalui Platform Siber bertarikh 14 Jan 2013.



Maklumat yang dikongsi di media sosial amat berpotensi untuk dieksloitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab demi kepentingan mereka. Sungguhpun niat ingin menyebarkan maklumat itu adalah baik namun ia boleh mengundang masalah terutamanya dalam aspek pengoperasian di lapangan. Mengambil contoh isu yang lalu, sebuah laman ketenteraan *Facebook* kendalian individu persendirian telah menyebarkan gambar unit Rejimen Sempadan melakukan aktiviti di sebuah pulau di utara Malaysia. Dalam gambar tersebut jelas menunjukkan kekuatan anggota yang ada, senjata yang dibawa serta peralatan komunikasi yang digunakan oleh trup tersebut. Perkara ini mampu menggugat operasi ATM di kawasan yang berkepentingan.

Perlu diingat bahawa *Open Sources Intelligent* (OSINT) merupakan salah

satu kaedah perisikan yang amat mudah dibuat serta sangat relevan di masa kini. Ia digunakan secara meluas oleh semua negara di dunia bagi mendapatkan maklumat strategik sesebuah negara. Melalui gabungan beberapa elemen seperti *Geotagging* bagi menentukan lokasi, forensik fotografi bagi menentukan kesahihan gambar dan kemahiran dalam analisa imejeri yang mampu memberikan analisis terhadap gambar, ia boleh menjadi satu sumber perisikan yang sangat mampan. Hasil dari maklumat ini boleh dikembangkan dalam pengumpulan data strategik sesebuah negara. Siapakah penyumbang kepada pengumpulan data-data ini? Mereka terdiri daripada anggota ATM sendiri yang sewenang-wenangnya memuat naik gambar dan maklumat kritikal negara ke media sosial.

Sebagai warga ATM, kita seharusnya lebih berhati-hati

dalam memuat naik sebarang gambar di media sosial yang melibatkan aset pertahanan. Kita juga dilarang sama sekali menyalurkan maklumat pergerakan aset ke dalam media sosial. Kesemua ini tidak terhad kepada anggota ATM itu sendiri malahan turut merangkumi ahli keluarga mereka.

Mungkin selama ini kita tidak menyedari bahawa segala aktiviti kita di media sosial sebenarnya sedang diperhatikan oleh pihak luar yang berkepentingan. Melalui perolehan data ini, pelbagai perkara boleh dieksloitasi demi mengganggu gugat keamanan di Malaysia. Sebagai warga ATM yang sentiasa berikrar untuk menjaga kedaulatan negara, adalah wajar untuk kita turut melindungi kepentingan negara daripada dimanipulasikan oleh pihak luar.

FILEM AKSI YANG DITUNGGU-TUNGGU

Oleh: SENJATAKU PENA

Pendekar melangkah tangan menggegar! Nantikan kemunculan filem padat aksi 'PASKAL' diinspirasikan dari kisah benar kejayaan pasukan elit TLDM ini dalam Misi Pengaman PBB di Angola dan Rampasan Kapal Dagang MV BUNGA LAUREL daripada lanun Somalia di Teluk Aden.

Filem arahan pengarah hebat Andrian Tan yang menjalani penggambaran di Lumut, Perak, Semporna, Sabah dan Mahgribi dibarisi pelakon handalan seperti Hairul Azreen, Datuk Eizlan Yusof, Ammar Alfian, Henley Hii, Taufiq Hanafi, Gambit Saifullah, Hafizul Kamal, Theebaan G dan Jasmine Suraya Chin.

Meskipun filem terbitan Asia Tropical Films ini menampilkan lebih 90 peratus babak aksi namun elemen drama tetap diselitkan bagi memastikan plot cerita lebih menarik. Pengarah berpengalaman itu mengetengahkan kisah persahabatan dan dendam dan akan memastikan fakta kedua-dua misi itu tepat.

Karya bernilai RM10 juta itu membabitkan kos kesan khas komputer, senjata, penggambaran di lokasi lebih baik bagi hasil yang berkualiti.

'Paskal' telah memulakan penggambaran pada 10 Mac lalu dan akan berlangsung sehingga 14 Mei 18. ia dijangka akan ditayangkan pada akhir tahun ini atau awal tahun hadapan. Sejumlah kutipan filem ini akan didermakan kepada veteran PASKAL menerusi Tabung Pahlawan.



YOUTUBE: Tentera Laut Diraja Malaysia

0:00 - 4:59

Saksikan video terkini dan AHOY! Navy Update di saluran Youtube kami.

Royal Malaysian Navy @tldm_rasmi

An update with the press corps on RMN's participation at #DSA2018 by TS @mykamarul #NATSECASIA2018 #15to5 #PerkasaPernira

INSTAGRAM: @tldm_rasmi

FOLLOW dan LIKE Instagram kami. Di sini kami kongsikan foto-foto menarik berkenaan TLDM dan #NavyPeople

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

27 April, tarikh #Kebanggaan kami. Ikuti kami di FB, Twitter dan Instagram utk update berkenaan aktiviti #HariTLDM&4 kami!

'Transformasi Pemacu Kecemerlangan'

#TransformasiTLDM #NavyPeople #NavyNews ... Continue reading

FACEBOOK: @RoyalMalaysianNavy

FOLLOW, LIKE dan SHARE info melalui Facebook kami. Di sini kami kongsikan maklumat dan info terkini yang lebih mendekati warga #NavyPeople, aktiviti terkini dan perkembangan terkini warga the Navy People.



3X iPhone X

1X Honda
CBR 250cc

Cabutan **EXTRAVAGANZA KT**

TEMPOH KEMPEN BERMULA (JANUARI – JUN 2018)

KELULUSAN PEMBIAYAAN

KRITERIA KELAYAKAN

| | |
|----------------------|----------------|
| RM10,000 ke bawah | 1 x penyertaan |
| RM10,001 – RM30,000 | 2 x penyertaan |
| RM30,001 – RM50,000 | 3 x penyertaan |
| RM50,001 – RM70,000 | 4 x penyertaan |
| RM70,001 – RM100,000 | 5 x penyertaan |
| RM100,001 ke atas | 6 x penyertaan |

*Tertakluk kepada terma & syarat

www.katmb.com.my

PUSAT PERKHIDMATAN PANGGILAN
PELANGGAN KOPERASI TENTERA
1-300-8000-58



**Hey nasi goreng !!....
hey sungguh lazat....
sungguh sedap....
sungguh enak**

tulah nyanyian yang pernah didendangkan oleh Allahyarham Tan Sri P.Ramlee dalam satu filem ketika suatu masa dahulu yang menunjukkan kerjaya sebagai seorang tukang masak. Namun, kerjaya sebagai tukang masak ataupun di dalam TLDM yang dikenali sebagai Bendari (BDI) ini sangatlah mencabar dan bukan mudah serta memerlukan ketahanan mental yang cukup kuat terutamanya ketika berkhidmat di kapal-kapal TLDM.

Bagi KD SRI TIGA, insan yang bergelar Ketua Rumah Masak (KRM) atau lebih mesra digelar COG (chief of galley) di kalangan warga kapal ialah LK I BDI Muhammad Ramzi Mhd Termizi. Beliau merupakan satunya tukang masak di kapal ini. Walaupun terpaksa mengharungi

NASI DAGING SIGNATURE SRI TIGA

Oleh: LT KDR KAMARUL ZAMAN
KAMARUDIN TLDM

gelora di lautan, kerja memasak tetap tidak pernah diabaikannya demi kesejahteraan dan moral warga kapal.

LK I BDI Ramzi yang juga graduan Diploma Seni Kulinari dari Management Science University mula berkhidmat di kapal ini pada 27 Jul 16. Berbekalkan pengalaman yang singkat dalam dunia masakan, beliau tetap terus berusaha untuk meningkatkan mutu masakannya. Beliau juga tidak menyangka bahawa dirinya akan menjadi salah seorang tukang masak setelah memasuki perkhidmatan TLDM. Beliau yang pada asalnya meminati cawangan teknikal bersyukur ke hadrat ilahi kerana terpilih menjadi tukang masak sekali gus dapat menjadikan kerjaya ini sebagai salah satu pilihan apabila bersara kelak. Tidak pernah masuk ke dapur bukanlah satu alasan untuk seseorang itu gagal dalam dunia masakan dan semangat ingin belajar adalah kunci utama untuk berjaya.

Anak jati negeri jelapang padi ini juga telah menjadikan menu masakan dari negeri utara tanah air iaitu nasi daging sebagai menu signature kapal. Menu yang pada mulanya disediakan hanya untuk masakan harian itu amat digemari Pegawai Memerintah serta warga kapal malah ia turut mendapat pujian daripada tetamu yang pernah menjamu selera di kapal. Menu yang istimewa ini pastinya akan terus terpahat dalam memori setiap warga kapal yang pernah berkhidmat di KD SRI TIGA.

Di kesempatan ruangan yang diberi oleh Sidang Redaksi pada kali ini, LK I BDI Muhammad Ramzi bin Mhd Termizi secara ikhlas ingin berkongsi rahsia resepi Nasi Daging yang menjadi bualan kini. Resipi masakan idaman seantero borneo adalah seperti berikut:

BAHAN-BAHAN

- ½ kg daging dipotong kiub
- 5 cawan beras basmati
- 2 sudu besar rempah kurma
- 2 sudu besar rempah sup
- Rempah 3 sekawan
- 1 sudu besar majerin
- 1 ulas bawang merah dihiris
- 1 ulas bawang putih dihiris
- 1 helai daun pandan
- ½ kiub pati ayam
- ½ tin susu cair
- 2 sudu besar sos tomato

CARA PENYEDIAAN

- Panaskan minyak dan marjerin
- Tumiskan bawang merah, bawang putih, daun pandan, rempah
- 3 sekawan dan serbuk kurma
- Kacau hingga sebati dan berbau harum
- Masukkan beras basmati yang dibersihkan dan dikacau hingga sebati
- Masukkan 4½ cawan air rebusan daging, susu cair dan sos tomato
- Setelah nasi masak, hiaskan dengan daun sup dan bawang goreng

BAHAN-BAHAN AIR ASAM KERISIK

- ½ kg daging dipotong kiub
- 5 cawan beras basmati
- 2 sudu besar rempah kurma
- 2 sudu besar rempah sup
- Rempah 3 sekawan
- 1 sudu besar majerin
- 1 ulas bawang merah dihiris
- 1 ulas bawang putih dihiris
- 1 helai daun pandan
- ½ kiub pati ayam
- ½ tin susu cair
- 2 sudu besar sos tomato

CARA PENYEDIAAN

- Tumbuk bahan bertanda *
- Campurkan semua bahan dalam bekas
- Gaulkan semua bahan hingga sebati
- Masukkan 1 cawan air
- Masukkan asam jawa bersama kerisik
- Gaul hingga sebati dan sedia untuk dimakan!

TLDM TERUS UNGGUL

Oleh: BM TLR MOHAMAD ASRI MD ZLAN
Foto: CWGN KOMUNIKASI STRATEGIK

Mengimbau kecemerlangan menduduki podium teratas di peringkat perkhidmatan, kebangsaan mahupun antarabangsa, TLDM terbukti mampu bersaing hebat.

Kejayaan atlet TLDM mendominasi kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan ATM tidak dapat disangkal lagi. Memegang rekod menjurai 10 tahun berturut-turut menjadikan TLDM ibarat tembok besi yang sukar untuk dirobohkan. Setelah merampas Piala Pusingan Panglima Angkatan Tentera daripada Tentera Darat pada 2008, TLDM tidak menoleh ke belakang lagi dan sehingga kini TLDM langsung tidak memberi peluang mana-mana pasukan untuk terus ghairah untuk mengekalkan kejuaraan buat kali ke-11.

Selain cemerlang di peringkat perkhidmatan, TLDM turut melakar nama di persada antarabangsa seperti Sukan Komanwel dan Sukan Asia. Sukan SEA Ke-29 menjadi momen paling bermakna apabila atlet TLDM berjaya menyumbang 29 pingat daripada keseluruhan 323 pingat yang dimenangi kontinjen Malaysia dengan 13 pingat Emas, 6 Perak dan 10 Gangsa sekaligus menobatkan Malaysia juara keseluruhan Sukan SEA Ke-29.

Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua peringkat pengurusan persatuan TLDM serta strategi yang diatur bersama pihak LEKAS TLDM dilihat menjadi penyumbang bagi kejayaan ini. Sokongan dan galakan yang tidak berbelah bahagi dari pucuk pimpinan tertinggi TLDM menjadi penyuntik semangat untuk atlet TLDM terus maju ke peringkat yang lebih membanggakan.



Johan Menembak (L/W) Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2017



Panglima Tentera Laut Bersama Atlet TLDM Sukan SEA



Johan Bola Sepak Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2017



LK II JIM Mohamad Fuad bin Mohd Redzuan Meraikan Kejuaraan Bersama Rakan TLDM





The participants from 27 nations

The Admiral's Cup International Regatta was one of the biggest military competitions where Naval Academies across the world participated. The prestigious annual sailing event had been hosted by the Indian Naval Academy (INA) in Ezhimala. The 8th edition of Admiral's Cup was conducted at Marakkar Watermanship Training Center (MWTC) in INA from the 02nd of December 2017 to 08th of December 2017. There were Officers Under Training (OUT) from 27 countries involved in this outstanding regatta.

This event was the most competitive and exciting regatta for the past few years, as a number of countries were enthusiastically participating in the event. This year, The Royal Malaysian Navy (RMN) participated in the Admiral's Cup and it was represented by Lieutenant Nik Ashraf Thaqid bin Nik Azizan RMN (from KD DUYONG) as a team leader, while Midshipman Muhammad Anwar bin Ibrahim and Midshipman Muhammad Naaim bin Salleh (both from KD SULTAN IDRIS 1) as participants. Indeed, the event fosters better ties among navies with the water social activities

organised, as well as a showcase from INA and diverse Indian cultures. The best overall team in this Admiral's Cup regatta was won by the USA team while the Malaysia team performed admirably, noting the light breezes, with a final placing of 11th.

"This event is more than a competition, it is also a platform to learn and apprehend the way various countries work and train. During the regatta, RMN participants are capable of exchanging knowledge and having an opportunity to get to know each other well. They also establish network among participants for future collaboration. These opportunities can enhance OUT experience in the international level and improve the boat handling skills to produce a good sailor," said RMN Team Leader.

Besides that, the participants involved in various activities apart from sailing regatta which included a visit to the INA's training and sports facilities, hiking at Mount Dilli, horse riding, golf and cultural package showcasing rich traditions, languages, cultures and art forms of



Lieutenant Nik Ashraf Thaqid bin Nik Azizan RMN and INA's commandant exchange the RMN ship crest as a memento of their meeting at INA

India. The 8th edition of Admiral's Cup Sailing Regatta concluded on the 7th of December 2017 at a glittering Closing Ceremony located in MWTC. Vice Admiral AR Karve, AVSM, Flag Officer Commanding-in-Chief, Southern Naval Command was the chief guest for the closing ceremony and awarding the "Admiral's Cup" and individual prizes to all the winners.



During the opening ceremony

► SEKILAS

PROGRAM
ADMIRAL ON DECK
PANGLIMA TENTERA LAUT
BERSAMA WARGA LLP PTKK

Oleh: BK KOM MAHISZIANDI BIN MAHMUD
Foto: LK I TLS MOHD ZULHAKIMI BIN YUSOFF

TELUK SEPANGAR - Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin telah melakukan lawatan kerja ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) pada 19 Jan 18 lalu sempena menghadiri Majlis Perkongsian Ilmu di Universiti Malaysia Sabah.

Warga PTKK berpeluang untuk berbicara secara langsung dengan Panglima Tentera Laut melalui Program *Admiral on Deck* yang diadakan di Dewan Serbaguna PTKK. Ketibaan Panglima Tentera Laut diiringi oleh Panglima Armada Timur Laksamana Madya Datuk Syed Zahiruddin Putra Syed Osman dan disambut seluruh warga lain-lain Pangkat (LLP) Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Samudera Raya serta diiringi bacaan doa oleh Pegawai Agama. Program ini telah memberi peluang kepada anggota LLP berdialog secara terus kepada Panglima Tentera Laut berkenaan sebarang persoalan mengenai Hala Tuju TLDM serta menyampaikan sebarang masalah yang dihadapi anggota LLP secara langsung.

Beberapa perkara telah dibincangkan oleh Panglima Tentera Laut dengan anggota LLP yang hadir antaranya mengenai FakeNews, Fitnah Siber, Projek SASAR dan pelbagai topik lagi yang telah mendapat perhatian dari Panglima Tentera Laut.

Di kesempatan itu juga, Panglima Tentera Laut sempat menerangkan kepada semua hadirin untuk menyahut saranan dan merealisasikan Program Transformasi TLDM 15to5 pada tahun ini bagi mentransformasi TLDM secara terancang dan menyeluruh.



**MENTERI PERTAHANAN
RASMI PELANCARAN
TRANSFORMASI
KOMPLEKS MUTIARA
ARMADA**

Oleh: LT DYA NOR ASIKIN JOHARI TLDM Foto: BM TNL MOHD SHAHIDAN/
LK TNL MOHAMAD HAFEFZUL ZANI

LUMUT - Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah merasmikan Pelancaran Transformasi Kompleks Mutiara ARMADA di Pangkalan TLDM Lumut pada 19 Disember 2017 yang lalu.

Transformasi ini merupakan inisiatif yang menyokong kepada Teras Kebajikan Kementerian Pertahanan yang bermatlamat meringankan kos sara hidup warga ATM dan veteran khasnya. Inisiatif ini juga adalah ilham Menteri Pertahanan dalam mensejahterakan warga ATM dengan membantu mengurangkan bebanan kewangan di samping meningkatkan kualiti hidup warga dalam menghadapi ekonomi negara yang kian mencabar.



YB Menteri Pertahanan (tengah) merasmikan Pelancaran Transformasi Kompleks Mutiara ARMADA

Sewaktu majlis pelancaran ini juga, pelbagai inisiatif seperti penambahbaikan kompleks Mutiara Armada, pelancaran platform e-dagang CAPASA serta pelancaran Produk CAKNA dan Produk Prihatin turut dilaksanakan. Menteri Pertahanan juga turut menyempurnakan penyerahan bantuan sumbangan 2077 pasang baju sekolah percuma kepada anak-anak warga ATM, awam dan veteran.



Penggunaan Kad CAPASA bagi menggantikan penggunaan MyTentera

Kehadiran Menteri Pertahanan ke Pangkalan TLDM Lumut telah disambut oleh Menteri Besar Perak, Panglima Angkatan Tentera dan Panglima Tentera Laut. Terlebih dahulu, Menteri Pertahanan telah dibawa melawat Kapal Latihan GAGAH SAMUDERA yang kini menjadi platform latihan terbaru TLDM.

SELAMAT, SELESA, TERJAMIN - RUMAH SASAR ILHAM MENTERI PERTAHANAN DIRASMI

Oleh: LT DYA NUR ASIKIN JOHARI TLDM
Foto : LK TNL MOHD HAFEFZUL ABDUL ZANI, LK PWP MUHAMAD ZUL AKMAL AHMAD

SUNGAI BESI - Majlis Perasmian program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR), SATRIA Residensi bertempat di Sungai Besi telah disempurnakan oleh Dato' Seri Hishammuddin Hussein, Menteri Pertahanan pada 12 April 18.

Warga *the Navy People* yang terpilih telah hadir dengan penuh kesyukuran dan menyambut baik inisiatif Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia yang serius dalam membela warga serta Veteran ATM melalui Projek pembinaan rumah mampu milik ini. Turut menerima unit rumah melalui projek Corporate Social Responsibility SASaR (TLDM) adalah LK Kom Siti Zura Azwani yang merupakan ibu tunggal kepada 4 orang anak.

Sebanyak 3,500 unit rumah akan dibina dan diperuntukkan khusus untuk anggota, veteran ATM dan warga awam Kementerian Pertahanan Malaysia.



KLD TUNAS SAMUDERA TARIK BELIA KG MABUL SERTAI TLDM

Oleh: LT KDR MOHD FARED MOHD ARIF



Program turun padang yang dianjurkan Kapal Layar Diraja (KLD) TUNAS SAMUDERA bermula 24 Mac 18 lalu berjaya menyentik keinginan kelompok belia Kampung Mabul untuk menyertai TLDM.

Seramai 24 orang belia Kampung Mabul mengikuti pelayaran sempena program turun padang *the Navy People* bersama komuniti setempat.

Pelayaran ini bertujuan memberi pengenalan ilmu pelayaran kepada golongan belia di Pulau Mabul agar dapat mengetahui dengan lebih lanjut kerjaya dan peranan TLDM.

Pegawai Memerintah KLD TUNAS SAMUDERA, Kdr Saharudin Bongsu TLDM berkata program turun padang yang julung kali diadakan ini

diharap dapat mendedahkan belia tempatan kepada pelbagai peluang kerjaya di dalam TLDM dan secara tidak langsung menarik minat mereka untuk menyertai pasukan beruniform selain berkhidmat untuk negara. Program ini turut dilaksanakan di Pulau Banggi, Kudat dan Labuan.

Program pelayaran bersama komuniti tempatan ini merupakan cetusan idea Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamaluzaman Hj Ahmad Badaruddin. KLD TUNAS SAMUDERA dilihat sebagai platform terbaik untuk tujuan ini memandangkan fokus program pelayaran kapal ini adalah kepada belia dan pelajar sekolah untuk membina jati diri dan memberi pengalaman yang unik ketika di laut.

SURAT PEMBACA

CADANGAN

Saya mengikuti perkembangan majalah ini, dalam siri sebelum ini ada ruangan kesihatan, saya cadangkan agar dimasukkan kembali ruangan kesihatan agar anggota The Navy People dapat maklumat tentang kepentingan menjaga kesihatan.

Chua An, Kementah

TERTARIK

Majalah ini menaikkan minat saya pada TLDM kerana kecanggihan pesenjataan perang TLDM dan aset moden yang ada dalam TLDM membuatkan saya lebih tertarik untuk memasuki perkhidmatan yang penuh mencabar ini.

Nanthini, Johor

SANTAPAN ROHANI

Wujudkan ruangan Santapan Rohani agar pembaca terdidik hati dan dapat menerapkan nilai-nilai positif pada pembaca.

Lokman, Manjung

INGIN TAHU

Adakah majalah ini terdapat di pasaran?. Jika tiada mengapa tidak di ketengahkan?

Muin, Negeri Sembilan

KEHIDUPAN

Ramai anggota TLDM yang telah berpencen atau berhenti. Ceritakan tentang kehidupan anggota yang sudah berpencen, mungkin ada yang lebih berjaya dan mungkin ada yang kurang berasib baik.

Mail, Kuantan

Kami mengalu-alukan sebarang komen atau cadangan untuk menambah baik penerbitan majalah ini. Semua cadangan yang sesuai akan diambil tindakan pada keluaran akan datang. Surat terbaik yang dipilih akan menerima hadiah misteri sebagai tanda penghargaan atas sokongan anda. Sila hantarkan komen atau cadangan anda ke:

Surat Pembaca
Sidang Redaksi Majalah Samudera
PUSMAS TLDM
(RMN Sea Power Centre)
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur

KEMAS DAN BERDISIPLIN

Kawad senyap TLDM telah menarik minat saya pada TLDM yang mempunyai pakaian yang kemas dan tahap disiplin yang tinggi untuk berkawad sambil pusing senjata yang memerlukan keseragaman dan kefahaman diantara satu sama lain.

Aishah, UNIKL Perak

BERSYUKUR

Sebagai anak tentera saya amat berterima kasih dan bersyukur kerana khidmat yang diberikan oleh TLDM dan ATM dalam menjaga kepentingan dan kedaulatan tanah air Malaysia ini agar sentiasa aman dan tenteram tanpa mengenal erti penat dan lelah.

Anak Navy

CUIT SIKIT

Ruangan cuit sikit tidak pernah menghampakan hingga buat saya tak kering gusi tertawa. Terbaiklah.

Zaidi, Kuala Lumpur

UCAPAN


Selamat hari Ulang Tahun TLDM. Teruskan berkhidmat demi menjaga tanah air tercinta. SALUTE and THANK YOU.

Kasim, Kulim

SKIM SAVE

Mengapa TLDM amat menitik beratkan skim ini? Adakah skim ini benar-benar membantu anggota yang tidak berpencen atau hanya merugikan anggota itu sendiri? Mohon penjelasan.

Daud, Navy People

**MENEGAK**

1. Kapal latihan milik TLDM.
2. Kapal British *HMS Prince of Wales* dan *HMS _____* yang dikaramkan oleh tentera Jepun semasa Perang Dunia ke 2.
9. Penyelaku _____ merupakan Pusat Latihan mengawal kerosakan dan melawan api.
11. _____ adalah negeri yang keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965.
13. Prinsip Rukun Negara merupakan hasil pemikiran _____.
14. Pengeluar kereta Malaysia.
16. Lagu anthem Negeri _____ adalah lagu asal bagi Lagu Negaraku.
17. Kapal PV pertama Malaysia.
19. Skuadron Penangkis Periuk Api ke 26.

MELINTANG

3. *Australian Defence Force English Language Profiling System* atau _____ adalah ujian untuk menentukan tahap penguasaan bahasa inggeris Pegawai dan anggota lain-lain pangkat bagi ketiga-tiga angkatan.
4. *Naval Term* untuk Tandas.
5. Kapal Selam TLDM kelas Perdana Menteri adalah dari jenis _____.
6. _____ merupakan Inisiatif bagi mendapatkan aspirasi warga dalam mendokong Program Transformasi Nasional 2050.
7. Jawatan Tertinggi dalam TLDM.
8. Salah satu ruangan di dalam majalah Samudera?
10. Program _____ diperkenalkan oleh pihak TLDM bertujuan membantu komuniti Maritim jika menghadapi masalah di laut.
12. Bulan penubuhan Malaysia.
15. Pencipta asal Bendera Malaysia.
18. Kejohanan sukan dwitahunan.
20. Lembaga Kawalan Sukan TLDM.

Oleh: HAIRY BENALLY

Buta Huruf



DI SEBUAH klinik mata, Pak Dolah yang rabun jauh selesai diperiksa matanya. Doktor cadangkan Pak Dolah memakai cermin mata sebab rabunnya itu kronik sungguh. Lalu bertanyalah Pak Dolah.

Pak Dolah : Doktor, bolehkah saya membaca lepas saya pakai cermin mata?

Doktor : Boleh Pak Dolah, boleh! Kenapa pulak tak boleh...

Pak Dolah : Terima kasih, doktor. Dah terlalu lama saya ni buta huruf, akhirnya dapat juga saya membaca...yahuuu..!!!

Curi Mangga

ACOY dan Ipin yang bodoh-bodoh alang bercadang mencuri mangga di dusun Pak Harun. Disebabkan tidak ada galah, mereka membaling mangga itu dengan batu tapi tidak kena.

Ipin : Buat penat saja kita baling tapi tak tahu buah tu masak ke tidak. Aku rasa elok kita periksa dulu.

Acoy : Apa kata kau panjat pokok tu dan picit-picit buahnya. Jadi taklah kita membazir tenaga membaling tak tentu arah. Ipin pun memanjat pokok mangga itu dan memicit buahnya satu persatu. Kemudian dia turun semula.

Ipin : Eh! Betullah buah tu dah masak, jadi bolehlah kita sambung baling.

Temu Duga

DALAM satu temu duga di Melaka, pengurus besar bertanya kepada seorang pemuda yang memohon kerja sama ada dia mempunyai sebarang kebolehan luar biasa.

Pemuda : Ada tuan. Saya selalu menang pertandingan teka silang kata, slogan terbaik dan cari perbezaan gambar.

Pengurus Besar : Bagus tu. Tapi, maksud saya ialah yang dilakukan dalam waktu bekerja.

Pemuda : Jangan risau tuan, memang semua silang kata, slogan dengan cari perbezaan gambar tu saya buat time kerja.

Temuduga Warden

Suatu hari datang seorang pemuda untuk ditemuduga bagi jawatan warden sebuah penjara.

Pegawai : Awak ada pengalaman ke?

Pemuda : Tak ada.

Pegawai : Awak mesti dahsyat kalau dapat kerja kat sini.

Pemuda : Kenapa tuan?

Pegawai : Banduan di sini ganas-ganas semuanya. Boleh ke awak handle?

Pemuda : Ooohhh...tak ada masalah. Kalau diorang menyusahkan saya, saya keluarkan je!!



Sudahkah Anda Memiliki Kad CAPASA? Daftar Segera Dan Nikmati Pelbagai Keistimewaannya

- ✓ Harga - harga promosi
(Barangian Prihatin & Cakna)
- ✓ Kumpul mata ganjaran
- ✓ Kemudahan untuk kenderaan
di bawah Program CPS Link
(Sila layari www.cpslink.com.my untuk maklumat lebih lanjut)

Kad CAPASA akan berkuatkuasa sepenuhnya pada
1 APRIL 2018



SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your Thinking Company

System Consultancy Group of Companies:



DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of
Advanced Composites materials
for Architectural, Marine,
Automotive and Aerospace Industries



Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions



IBS Technology Sdn Bhd
(394181-H)

Intelligent Building and
Security Systems

Head Office:

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my
www.scs.my